Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.

Oleh
Syaikh Muhammad al-Shalih al-'Utsaimin

Judul asal:
Risalah fi al-Dima’a al-Thabi’iyyah li al-Nisa’

Pengarang:
Muhammad as-Saalih al-`Uthaimeen (1411H)

Judul edisi terjemahan:
Petunjuk al-Qur’an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.

Penterjemah:
Azzahari bin Murad. (abuhusna@al-nidaa.com.my)

Penyunting:
Hafiz Firdaus Abdullah. (hafizfirdaus@yahoo.com)

Penerbit:
Perniagaan Jahabersa
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim,
Malaysia.

Kandungan

بسم الله الرحمن الرحيم

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ بالله من شرور انفسنا ومن سيئات اعمالنا, من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له. ونشهد أن لا إله الا الله وحده لاشريك له ونشهد أن محمدا عبده ورسوله

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

Alhamdulillah, buku di tangan para pembaca sekarang ini ialah edisi terjemahan buku *Risalah fi al-Dima'a al-Thabi'iyyah li al-Nisa'* yang secara harfiyah bermaksud *Risalah Berkenaan Darah-Darah Fitrah Wanita.* Ia adalah karya seorang ulama besar dunia Islam yang bernama Syaikh Muhammad al-Shalih al-'Utsaimin. Buku ini dipilih khas sebagai hidangan ilmu kepada para pembaca yang dihormati sekalian kerana beberapa sebab:

1. Subjek ini adalah antara subjek yang penting bagi umat Islam, khasnya para Muslimah. Banyak amal ibadah dan hukum seperti solat, haji, kehamilan, penceraian dan sebagainya yang bergantung kepada subjek ini.

2. Umumnya pengetahuan umat Islam berkenaan subjek ini adalah berdasarkan hukum ikut-ikutan masyarakat, bukan berdasarkan hukum daripada al-Qur'an, al-Sunnah dan para ilmuan yang tidak berbicara melainkan di atas dasar al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu dirasakan amat sesuai diusahakan terjemahan buku ini. Malah atas dasar ini juga dipilih tajuk *Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.*

3. Mengubah kaedah pengajian ilmu Islam yang berdasarkan "hukum fardhu ain" kepada yang berdasarkan dalil, hujah dan perbandingan pendapat. Buku karya Syaikh al-'Utsaimin ini adalah "permulaan" yang baik untuk anjakan paradigma ini kerana ia lengkap dengan dalil, hujah dan perbandingan pendapat. Namun pada waktu yang sama mudah lagi ringkas sehingga tidak memberatkan para pembaca sekalian, *insya-Allah*.

Pengenalan ringkas kepada Syaikh al-'Utsaimin.

Abu 'Abd Allah Muhammad bin al-Shalih bin Muhammad bin al-'Utsaimin al-Wuhaybi al-Tamimi lahir pada 27 Ramadhan tahun 1347H di bandar 'Unayzah, Arab Saudi. Sejak awal beliau diberi pendidikan agama yang mendalam. Antara gurunya yang terkenal ialah Syaikh 'Abd al-Rahman bin Nashr al-Sa'di dan Syaikh 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Baz. Sejak tahun 1371H beliau sudah mula mengajar di beberapa institusi pengajian. Kemudian beliau, yang terkenal dengan gelaran Syaikh al-'Utsaimin sahaja, menjadi salah seorang ahli majlis fatwa Arab Saudi dan aktif menulis dalam pelbagai subjek. Sebagai ahli majlis fatwa, Syaikh al-'Utsaimin banyak menerima soalan daripada para muslimah berkenaan persoalan haid, istihadah dan nifas. Pengalaman ini membolehkan beliau mengupas persoalan ini dari pelbagai sudut dan wajah sebagaimana yang akan dapat disaksikan sendiri oleh para pembaca dalam buku ini *insya-Allah*. Syaikh al-'Utsaimin *rahimahullah* meninggal dunia pada tahun 1421H.

Metode Menterjemah dan Menyunting.

Prinsip penting dalam menterjemah sesebuah buku ialah bersifat jujur. Kejujuran ini tidak terletak pada penyampaian bahasa tetapi pada penyampaian ilmu. Ini kerana masing-masing bahasa Arab dan bahasa Melayu memiliki ciri-ciri bahasa dan gaya penyampaian yang tersendiri sehingga tidak mungkin ia dapat diwakili secara tepat antara satu sama lain. Prinsip ini menjadi dasar utama dalam menterjemah dan menyunting buku ini. Dalam ertikata lain, buku edisi terjemahan bahasa Melayu ini memiliki ilmu dan kaedah perbahasan yang berasal daripada Syaikh al-'Utsaimin akan tetapi dengan gaya bahasa dan cara penyampaian yang sesuai dengan bahasa Melayu.

Proses menterjemah dan menyunting buku ini melalui 2 tahap:

1. Ia diterjemah secara lengkap oleh Ustaz Azzahari daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Terjemahan adalah dalam bentuk harfiyah (*word by word*).
2. Kemudian saya (Hafiz Firdaus) menyuntingnya supaya gaya bahasa dan cara penyampaian adalah sesuai dengan bahasa Melayu masa kini.

Penghargaan.

Selain usaha keras Ustaz Azzahari, buku ini juga menerima bantuan dan pembaikan daripada beberapa rakan yang lain. Semoga Allah membalasi jasa baik mereka dengan sesuatu yang lebih baik. Seandainya wujud apa-apa kesilapan, teguran atau pembaikan, dialu-alukan untuk menghubung Ustaz Azzahari di alamat e-mel abuhusna@al-nidaa.com.my atau saya di alamat e-mel hafizfirdaus@yahoo.com

Sekian, *Assalamualaikum waRahmatullahi waBarakatuh*.

بسم الله الرحمن الرحيم

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونتوب إليه ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين وسلم تسليما.

Sesungguhnya darah-darah yang keluar daripada wanita seperti haid, istihadah dan nifas termasuk dalam perkara yang sangat penting di dalam ilmu fiqh Islam. Ia memerlukan penjelasan dan pengetahuan serta pembeza antara yang betul dan salah daripada hujah para ahli ilmu.

Dalam perkara ini yang menjadi pegangan hendaklah petunjuk yang datang daripada al-Qur’an dan al-Sunnah. Ini kerana kedua-duanya adalah asas bagi terbinanya hukum-hukum Allah. Dengan hukum-hukum inilah hamba-hamba-Nya mengabdikan diri kepada-Nya. Lebih dari itu berpegang kepada apa yang datang daripada al-Qur’an dan al-Sunnah memberi ketenangan pada hati, melapangkan dada serta menyelesaikan tanggungan kewajipan (*bara-atu zimmah*). Selain dari keduanya tidak dapat dibuat hujah kerana tidak ada hujah melainkan pada kalam (perkataan) Allah dan kalam Rasul-Nya.

Firman Allah:

Jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur’an) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa’ 4:59]

Risalah ringkas di tangan anda ini membahas berkenaan darah haid, istihadah dan nifas dan hukum-hukumnya. Ia terdiri daripada beberapa bab:

8. Makna haid dan hikmahnya.
9. Masa haid dan tempohnya.
10. Perkara-perkara yang berlaku ketika haid.
11. Hukum-hukum haid.

12. Istihadah dan hukum-hukumnya.
13. Nifas dan hukum-hukumnya.
14. Hukum penggunaan ubat-ubatan yang menegah haid atau mendatangkannya dan ubatan yang menegah kehamilan atau menggugurkannya.

1 Makna Haid Dan Hikmahnya

Makna Haid

Dari sudut bahasa, haid ialah: turun sesuatu secara mengalir.

Dari sudut syara', haid ialah darah yang keluar dari wanita kerana fitrah kejadiannya tanpa sebarang sebab. Ia keluar pada waktu-waktu yang diketahui. Ia adalah darah fitrah yang keluar bukan kerana sakit, luka, keguguran atau kelahiran.

Hikmah Haid

Sesungguhnya janin yang berada di dalam perut ibunya tidak mungkin mendapat makanan seperti orang yang di luar. Ini kerana tidak mungkin bagi seorang ibu untuk menyampaikan makanan kepada anaknya dengan cara yang biasa.

Atas sebab ini Allah Ta'ala menjadikan makanan untuk janin dalam perut ibu daripada darah (ibunya). Ia tidak memerlu kepada pemakanan biasa (*solid food*) dan penghadaman. (Zat makanan yang berada di dalam darah ibu) sampai ke dalam badan janin melalui pusatnya dan lantas memasuki urat-urat sarafnya. Inilah cara janin mendapat makanan.

Maha Mulia Allah sebagai sebaik-baik pencipta. Inilah hikmah darah haid. Oleh itu apabila berlaku kehamilan, seorang wanita terputus haidnya. Amat jarang berlaku haid ketika hamil. Demikian juga bagi ibu-ibu yang menyusu, sangat sedikit di kalangan mereka yang datang haid terutamanya di awal masa menyusu.[1]

---

[1] Penerangan Syaikh al-Utsaimin *rahimahullah* di atas merujuk kepada kes setelah berlakunya persenyawaan dan wanita menjadi hamil. Jika tidak hamil, darah haid berperanan membersihkan sel-sel telur dalam sistem pembiakan wanita yang tidak disenyawakan. Lebih lanjut rujuk buku:

1. *Hukum-hukum Wanita Hamil* oleh Dr. Yahya 'Abd al-Rahman (edisi terjemahan oleh Abu Wafa'; al-Izzah, Jakarta 2003).
2. *Tuntutan Haidh, Nifas & Darah Penyakit: Tinjauan Fiqih dan Medis* oleh Dr. 'Abd al-Rahman Muhammad al-Rifa'i (edisi terjemahan oleh Mahfud Hidayat & Ahmad Muzayyin; Mustaqim, Jakarta 2003) (penyunting)

2 Masa Haid Dan Tempohnya

Perbincangan dalam bab ini tertumpu kepada dua persoalan:

1. Umur bagi bermulanya haid.
2. Tempoh haid.

Pertama: Umur bagi bermulanya haid.

Umur seorang wanita yang pada kebiasaan bermula haid ialah antara dua belas hingga lima puluh tahun. Namun wujud kemungkinan haid bermula lebih awal daripada umur dua belas tahun atau lebih lewat daripada umur lima belas tahun.

Para ilmuan berselisih pendapat adakah terdapat batas umur tertentu bagi permulaan haid untuk wanita. Mereka juga berselisih pendapat sama ada darah yang datang sebelum atau selepas batas umur tersebut adalah darah haid atau darah penyakit? Selepas menyebut perselisihan pendapat ini, Imam al-Darimi *rahimahullah* membuat kesimpulan berikut:

> Semua pendapat ini adalah saya menurut saya. Ini kerana rujukan kepada semua persoalan ini adalah kepada wujud (darah yang mengalir keluar). Maka pada setiap umur dan keadaan jika didapati (wujud darah yang mengalir keluar) maka wajib mengkategorikan ia sebagai (permulaan) haid. Allah sahaja yang lebih mengetahui. [Dinukil oleh Imam al-Nawawi dalam *Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jld. 1, ms. 386]

Apa yang disimpulkan oleh Imam al-Darimi adalah pendapat yang benar. Inilah juga pendapat yang dipilih oleh Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah.*

Maka apabila seorang wanita melihat darah haid mengalir keluar maka bermakna dia telah didatangi haid sekalipun umurnya sembilan tahun ataupun lebih daripada lima puluh tahun. Ini kerena hukum-hukum haid yang ditentukan oleh Allah dan Rasul-Nya adalah atas wujudnya (haid). Allah serta Rasul-Nya tidak membataskan umur tertentu dalam persoalan ini. Menentukan batas umur tertentu memerlukan dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, padahal tidak ada sebarang dalil berkenaannya (dalam dua sumber tersebut).

Kedua: Tempoh haid.

Para ilmuan juga berbeza pendapat dalam persoalan tempoh haid atau kadar masanya. Terdapat enam atau tujuh pendapat dalam persoalan ini. Berkata Imam Ibn al-Munzir *rahimahullah*:

> Menurut satu pendapat: Tidak ada batas bilangan hari bagi tempoh minima atau maksima (haid).

Saya (pengarang) berkata, ini adalah sepertimana pendapat Imam al-Darimi yang lalu dan ia adalah pendapat yang dipilih oleh Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah.* Ini adalah pendapat yang benar kerana didokongi oleh al-Qur'an dan al-Sunnah serta pemikiran yang sihat. Sebab-sebabnya seperti berikut:

Pertama:

Firman Allah Ta'ala:

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. [al-Baqarah 2:222]

Dalam ayat di atas Allah menjadikan "suci" sebagai syarat penyudah kepada tegahan. Allah tidak menjadikan tempoh sehari semalam, tiga hari atau lima belas hari sebagai syarat penyudah tegahan. Ini menunjukkan bahawa sebab timbulnya hukum ialah bermula dan berakhirnya haid, sehingga apabila suci daripada haid maka hilanglah hukum-hukum yang berkaitan dengan haid.

Kedua:

Dalam *Shahih Muslim* tercatit sebuah hadis yang sahih di mana Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* bersabda kepada 'A'isyah *radhiallahu 'anha* yang di saat itu sedang berihram untuk umrah dan didatangi haid:

"Lakukanlah apa yang dilakukan oleh orang berhaji kecuali jangan kamu bertawaf di al-Bait (Ka'abah) sehingggalah kamu suci." 'A'isyah berkata: "Maka pada hari menyembelih aku telah suci...." [*Shahih Muslim* – no: 1211 *(Kitab al-Haj)*]

Dalam *Shahih al-Bukhari* Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* bersabda kepada 'A'isyah *radhiallahu 'anha*:

"Tunggulah maka apabila kamu telah suci maka keluarlah ke Tan'im." [*Shahih al-Bukhari* – no: 1787 *(Kitab al-Haj)*]

Dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjadikan "suci" sebagai syarat penyudah tegahan. Baginda tidak menetapkan apa-apa batas masa atau tempoh tertentu. Ini membuktikan bahawa hukum haid ditentukan dengan bermula dan berakhirnya haid.

Ketiga:

Sesungguhnya perkiraan tempoh masa (minima dan maksima bagi) haid yang dilakukan oleh (sebahagian) ahli fiqh tidak terdapat dalilnya di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Padahal ini adalah persoalan penting yang sangat berhajat kepada penetapan daripada dua sumber tersebut.

Seandainya penetapan tempoh ini termasuk daripada hukum fiqh bagi umat beribadat kepada Allah, nescaya Allah dan Rasul-Nya secara terang dan jelas akan menerangkannya. Ini sebagaimana hukum-hukum fiqh yang lain seperti solat, puasa, nikah, talak, pesaka dan sebagainya.

Allah dan Rasul-Nya telah memperincikan bilangan solat, waktu-waktunya, rukuknya dan sujudnya; Zakat, harta-hartanya, nisab-nisabnya, kadarnya dan tempat ditunaikannya; Puasa, tempoh dan waktunya; Haji dan seterusnya.

Allah dan Rasul-Nya juga telah memperincikan adab-adab makan, minum, tidur, jima', duduk, masuk-keluar rumah, membuang hajat sehinggalah kepada bilangan batu-batu untuk beristinjak dan pelbagai lagi perkara-perkara kecil yang lain.

Ini semua termasuk kesempurnaan agama Allah dan nikmat-Nya ke atas orang-orang yang beriman. Firman Allah:

Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu. [al-Nahl 16:89]

Firman Allah:

Bukanlah ia (al-Qur'an) cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu. [Yusuf 11:111]

Apabila perkiraan tempoh masa (minima dan maksima bagi) haid tidak terdapat dalam kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, jelaslah bahawa ia sebenarnya tidak berhajat kepadanya. Yang dihajatkan, atau yang dijadikan syarat ialah kewujudan haid itu sendiri pada seorang wanita. Hukum-hukum syari'at bergantung kepada wujud atau tidaknya haid, bukan tempoh masa haid.

Dalam ertikata lain, tidak wujudnya hukum perkiraan tempoh masa (minima dan maksima bagi) haid di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah menjadi bukti bahawa perkiraan tersebut tidak memberi apa-apa manfaat atau ilmu.

Sesungguhnya segala hukum syara' tidak boleh ditetapkan melainkan dengan dalil dari syara' sendiri iaitu daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, atau ijma' (kesepakatan) yang maklum (diketahui) atau qiyas (*analogi*) yang sahih.

Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* menyebut sebuah kaedah yang amat penting:

> Dari apa yang dikenali sebagai haid, Allah telah kaitkan dengannya beberapa hukum dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Allah tidak menentukan baginya tempoh masa minima dan tempoh masa maksima. Allah juga tidak menentukan tempoh masa suci antara dua haid. Sedangkan perkara-perkara ini adalah umum terhadap umat dan mereka berhajat untuk mengetahuinya.
>
> Dari sudut bahasa, ia (al-Qur'an dan al-Sunnah) tidak membezakan antara satu tempoh dengan satu tempoh yang lain. Maka sesiapa yang menentukan satu tempoh tertentu maka sesungguhnya dia menyalahi al-Qur'an dan al-Sunnah. [*al-Risalah fi al-Asma' allati 'Alaq al-Syar'i al-Ahkam biha*, ms 35]

Keempat:

Pemikiran yang sihat berdasarkan qiyas (*analogi*) yang sahih akan mengetahui bahawa Allah *Ta'ala* menjadikan haid sebagai satu bentuk kotoran. Faktor penyebab hukum (*'illah*) bagi haid ialah kotoran. Maka apabila sahaja didapati wujud haid maka wujudlah kotoran tanpa dibezakan antara hari kedua dan hari

pertama, hari keempat dan hari ketiga, hari keenam belas dan hari kelima belas, hari kelapan belas dan hari ketujuh belas.

Justeru haid tetap haid, kotoran tetap kotoran, dan *'illah* (faktor penyebab hukum) tetap sama pada dua hari tersebut. Maka bagaimana mungkin dibezakan hukum antara dua hari tersebut sedangkan faktor penyebabnya adalah sama? Ini menyalahi qiyas yang sahih kerana faktor penyebab yang sama akan menyamakan hukum antara dua hari tersebut.

Kelima:

Wujud perselisihan pendapat di kalangan orang-orang yang membataskan tempoh tertentu dan tiada satu jua di antara pendapat-pendapat ini yang kuat hujahnya. Ini disebabkan di antara pendapat-pendapat ini, tidak ada dalil yang dijadikan sumber rujukan. Ia adalah ijtihad yang terbuka kepada kebenaran dan kesalahan sehingga tidak ada satu di antaranya yang terlebih utama untuk diikuti.

Tempat rujukan ketika berlaku perselisihan ialah al-Qur'an dan al-Sunnah. Jelas daripada dua sumber ini bahawa tidak ada pembatasan tempoh minima dan maksima haid.

Oleh itu apabila seorang wanita mendapati darah mengalir keluar secara fitrah tanpa disebabkan luka atau seumpama, maka ia adalah darah haid tanpa ditetapkan umur atau tempoh masanya.

Berkata Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah*:

> Pada asalnya setiap darah yang mengalir keluar dari rahim adalah darah haid sehinggalah ada bukti yang menunjukkan ia adalah darah istihadah.

Katanya lagi:

> Apa-apa darah yang keluar ialah darah haid jika tidak diketahui bahawa ia adalah darah istihadah atau luka. [*al-Risalah fi al-Asma' allati 'Alaq al-Syar'i al-Ahkam biha*, ms. 36 & 38]

Lima sebab di atas menjadi hujah bahawa tidak ada penetapan tempoh minima dan maksima bagi haid. Hujah-hujah ini bukan sahaja benar dari sudut dalil al-Qur'an, al-Sunnah dan pemikiran yang benar, tetapi juga mudah selari dengan ruh Islam.

:Allah *'Azza wa Jalla* berfirman

Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama. [al-Hajj 22:78]

Sabda Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam*:

"Sesungguhnya agama adalah mudah, dan tidak seorang pun yang memberat-beratkan urusan agama melainkan ia menewaskannya[2], maka hendaklah kamu semua membuat yang betul dan menghampirkan kepada kebenaran dan memberi berita gembira." [*Shahih al-Bukhari* – no: 39 *(Kitab al-Iman)*]

Dikenali daripada akhlak Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* bahawa apabila diberi dua pilihan, Baginda akan memilih yang paling mudah antara keduanya selama mana tidak melibatkan dosa.

<u>Haid Wanita Hamil</u>

Pada kebiasaannya seorang wanita apabila hamil akan terhenti haidnya. Kata Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah*:

> Sesungguhnya seorang wanita diketahui hamil apabila terputus haidnya. Apabila seorang wanita hamil melihat darah keluar dan ia disertai tolakan bersalin dua atau tiga hari sebelum masa melahirkan, maka itu adalah darah nifas.
>
> Jika darah keluar pada masa yang jauh sebelum bersalin atau hampir kepada masa bersalin tetapi tidak disertai tolakan bersalin, maka itu bukanlah darah nifas. Akan tetapi berlaku perselisihan pendapat antara para ilmuan: Adakah itu adalah darah haid yang dikenakan hukum-hukum haid ke atasnya atau darah fasad (istihadah) yang tidak dikenakan hukum-hukum haid ke atasnya ?

Yang benar, ia dikira sebagai darah haid apabila ia mengalir keluar secara fitrah. Ini kerana pada asalnya setiap darah yang mengalir keluar daripada wanita adalah haid selagi mana tidak ada faktor penyebab yang lain seperti luka dan seumpamanya. Lebih dari itu tidak terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dalil atau hujah bahawa wanita yang hamil tidak didatangi haid.

---

[2] Yakni sikap memberat-memberatkan diri di dalam beragama akhirnya akan menyebabkan seseorang itu berputus asas sehingga melepaskannya (*give up*) (penyunting).

Ini adalah mazhab Malik dan al-Syafi'e serta menjadi pillihan Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah, sebagaimana di dalam kitab beliau berjudul *al-Ikhtiyarat.* Imam al-Baihaqi *rahimahullah* meriwayatkan satu pendapat daripada Imam Ahmad dalam bab ini, malah inilah pendapat yang beliau pegang diakhirnya.

Maka atas dasar ini hukum-hukum ke atas wanita hamil yang haid adalah sama dengan wanita tidak hamil yang haid. Namun terdapat dua pengecualian dalam bab ini:

Pertama:

Diharamkan menjatuhkan talak (menceraikan) seorang wanita yang sedang haid tetapi tidak hamil. Akan tetapi diharuskan menceraikan seorang wanita yang sedang haid dan pada waktu yang sama hamil.

Dalilnya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddahnya. [al-Thalaq 65:01]

Menceraikan wanita yang sedang haid dan pada waktu yang sama hamil tidak menyalahi firman Allah di atas. Ini kerana menceraikan wanita hamil bererti menceraikannya pada masa iddahnya. Tidak perlu mengambil kira sama ada wanita hamil tersebut sedang haid atau suci kerana iddahnya ialah dengan kehamilan.

Kedua:

Wanita hamil yang sedang haid tempoh iddahnya tidak tamat dengan berhentinya haid. Ini berbeza dengan wanita tidak hamil yang sedang haid. Sebabnya, syarat tamat tempoh iddah bagi wanita yang hamil ialah dengan kelahiran anaknya. Ia tidak bersyaratkan haid atau tidak.

Dalilnya ialah firman Allah *'Azza wa Jalla*:

Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. [al-Thalaq 65:04]

3 Perkara-Perkara Yang Berlaku Ketika Haid.

Bab ketiga ini membahas beberapa persoalan lanjut berkenaan haid:

<u>Pertama</u>: Perbezaan masa haid.

Kadangkala berlaku perbezaan masa haid seorang wanita. Perbezaan ini wujud dalam dua bentuk:

1. Tempoh mengalirnya bertambah atau berkurang daripada kebiasaan. Contohnya ialah seorang wanita yang kebiasaannya mengalami haid selama enam hari, tetapi berlarutan selama tujuh hari. Atau seorang wanita yang kebiasaannya mengalami haid selama tujuh hari, lalu dia suci dalam masa enam hari sahaja.[3]

2. Permulaan masa mengalirnya (putaran haid) menjadi awal atau lambat daripada kebiasaan. Contohnya seorang wanita yang kebiasaannya datang haid pada akhir bulan, lalu dia melihat haid hanya datang pada awal bulan. Atau kebiasaannya datang haid pada awal bulan lalu dia hanya melihatnya di akhir bulan.

Sesungguhnya para ilmuan berbeza pendapat dalam dua kes di atas. Namun pendapat yang terkuat dan benar ialah apabila seorang wanita melihat darah mengalir keluar bererti dia haid dan apabila darah berhenti mengalir bererti dia suci (tidak haid). Penentuan ini tidak disyaratkan oleh perbezaan masa sama ada lebih lama atau singkat, sama ada lebih awal atau lewat. Dalil-dalil bagi hal ini telah dikemukakan dalam bab yang sebelumnya. Ini merupakan mazhab Imam al-Syafi'e *rahimahullah* dan dipilih oleh Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah serta dikuatkan lagi oleh Imam Ibn Qudamah di dalam kitabnya *al-Mughni*, jld. 1, ms. 353:

> Jika sesuatu perkara itu berlaku secara lazim dan memerlukan penjelasan (hukum-hukumnya), pasti akan dijelaskan (hukum-hukumnya) oleh Nabi shalallahu 'alaihi wasallam tanpa melengah-lengahkannya. Ini kerana sesuatu yang memerlukan penjelasan tidak boleh dilengah-lengahkan.

---

[3] Atau boleh sahaja berbeza-beza sehingga menjadi lebih lama atau lebih singkat antara satu masa haid dengan masa haid yang lain (penyunting).

Para isteri Rasulullah dan selainnya memerlukan penjelasan akan persoalan ini pada setiap masa dan baginda tidak pernah lalai daripada memberikan penjelasan tentangnya.

Tidak pernah lahir daripada baginda sesuatu yang wujud secara lazim melainkan diikuti dengan penjelasannya, kecuali dalam persoalan darah istihadah.[4]

Kedua: Cecair yang kekuningan atau kekeruhan.

Kadangkala bagi seorang wanita mengalir keluar daripadanya cecair (*discharge*) yang:

1. Berwarna kekuningan seperti air yang keluar akibat luka. Ini dikenali sebagai *Sufrah.*
2. Berwarna kekeruhan antara kuning dan hitam. Ini dikenali sebagai *Kudrah.*

Sufrah atau *Kudrah,* jika ia mengalir keluar ketika sedang haid atau bersambungan di akhir masa haid, sebelum suci, maka ia dikategorikan sebagai haid dan diwajibkan ke atasnya hukum-hukum yang bersamaan dengan darah haid biasa.

Jika ia mengalir keluar secara terpisah daripada masa haid, yakni dalam masa suci, maka ia tidak dikategorikan sebagai haid.

Dalilnya adalah kenyataan Umm 'Athiah *radhiallahu 'anha*:

"Kami tidak mengira (cecair yang berwarna) kekeruhan dan kekuningan (jika ia keluar) selepas suci sebagai apa-apa (yakni bukan haid)." [*Sunan Abu Daud* – no: 246 *(Kitab al-Thaharah)* dengan sanad yang sahih][5]

[4] Maksudnya, persoalan haid adalah persoalan yang lazim bagi para isteri dan wanita di zaman baginda. Persoalan-persoalan ini memerlukan penjelasan yang terperinci daripada Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam. Alhamdulillah,* baginda telah menjelaskannya secara terperinci dan telah sampai kepada kita dalam kitab-kitab hadis.

Justeru seandainya wujud sesuatu persoalan dalam bab haid ini yang tidak diperjelaskan oleh baginda, bererti ia sememangnya tidak memerlukan penjelasan. Kes perbezaan masa haid adalah antara perkara yang lazim berlaku yang tidak diperjelaskan oleh Rasulullah, bererti ia tidak memiliki apa-apa hukum khusus yang berbeza dengan yang umum.

Hukum umum yang dimaksudkan adalah: Apabila seorang wanita melihat darah mengalir keluar bererti dia haid dan apabila darah berhenti mengalir bererti dia suci (tidak haid) tanpa dipengaruhi oleh perbezaan masanya. (penyunting)

[5] Juga disahihkan oleh Syaikh al-Albani *rahimahullah* dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – no: 119.

Imam al-Bukhari *rahimahullah* menyusun hadis ini dalam kitab sahihnya di bawah bab: Bab al-Sufrah dan al-Kudrah pada hari-hari selain haid. Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* di dalam kitabnya *Fath al-Bari* berkata:

> al-Bukhari mengisyaratkan dengan demikian bertujuan menyelaraskan antara hadith 'A'isyah (yang bermaksud): "sehingga kamu semua melihat sesuatu seperti benang putih" dengan hadis Umm 'Athiah di atas.
>
> Hadis 'A'isyah merujuk kepada seseorang yang melihat al-Sufrah dan al-Kudrah pada hari-hari haid, manakala hadis Umm 'Athiah merujuk kepada hari-hari selain haid.

Hadith 'A'isyah *radhiallahu 'anha* yang dimaksudkan adalah apa yang disebut oleh Imam al-Bukhari di dalam kitab sahihnya:

Sesungguhnya para wanita telah mengutus kepada 'A'isyah bekas yang ada padanya kapas yang padanya ada al-Sufrah, maka 'A'isyah menjawab:

"Jangan kamu semua segera (bersuci) sehingga kamu semua melihat sesuatu seperti benang putih (yang keluar selepas berhenti darah bercampur al-Sufrah tersebut)."

<u>Ketiga</u>: Haid yang terputus-putus.

Kadangkala juga seorang wanita menghadapi haid yang terputus-putus alirannya, di mana sehari dia didatangi haid manakala hari yang seterusnya tidak ada haid (selang sehari). Permasalahan ini terbahagi kepada dua kes yang berlainan:

1. Jika ia berlaku secara berterusan, maka ia adalah darah istihadah dan diwajibkan ke atasnya hukum-hukum istihadah. (hukum-hukumnya akan dibahas dalam **Bab 5** *insya-Allah*)

2. Jika ia tidak berlaku secara berterusan, bahkan hanya sekali-sekala sehingga ada tempoh waktu suci yang jelas baginya. Bagi kes kedua ini, para ilmuan berbeza pendapat: Adakah sehari yang tidak keluar darah itu dikira suci atau dikira haid? Terhadap persoalan ini terdapat tiga pendapat yang dianggap

(penyunting)

kuat:[6]

Pendapat Pertama:

Ia dianggap sebagai "hari haid" dan diwajibkan ke atasnya hukum-hukum yang bersamaan dengan hari haid biasa.

Ini merupakan satu pendapat yang benar antara dua pendapat Imam al-Syafi'e[7] *rahimahullah* dan menjadi pilihan Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah dan Mazhab Abu Hanifah. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

1. Selagi mana tidak kelihatan sesuatu seumpama benang putih pada satu hari yang tidak didatangi haid, ia tetap dianggap sebagai hari haid.
2. Jika dikatakan satu hari yang tidak didatangi haid sebagai hari suci nescaya hari sebelum dan selepasnya adalah hari haid. Hal seperti ini tidak pernah diperkatakan orang.
3. Jika dianggap satu hari yang tidak didatangi haid sebagai hari suci nescaya iddah *al-Quru'* akan selesai dalam masa lima hari sahaja.[8]
4. Jika dijadikan "satu hari" yang tidak didatangi haid sebagai hari suci pasti ia akan menimbulkan kesempitan dan kesusahan kerana wajib mandi pada setiap dua hari. Sesungguhnya kesempitan dan kesusahan adalah sesuatu yang dinafikan dalam syari'at ini, dan segala puji bagi Allah.

Pendapat Kedua:

Dalam tempoh masa selang sehari tersebut, jika darah mengalir keluar maka dianggap sebagai hari haid, jika tidak maka dianggap sebagai hari suci. Kecuali jika hal ini berlaku melebihi daripada bilangan hari-hari kebiasaan haid, maka ia dianggap sebagai darah istihadah.

Ini adalah pendapat yang masyhur dalam mazhab Hanbali.

---

[6] Di sini Syaikh al-Utsaimin *rahimahullah* mengemukakan 3 pendapat tanpa menerangkan yang manakah yang lebih kuat atau benar. Ini bererti di sisi beliau ketiga-tiga pendapat ini adalah sama-sama benar. Para pembaca boleh mengamalkan salah satu daripadanya. Setiap satu daripadanya adalah benar dan tidaklah ia saling membatal antara satu sama lain. (penyunting)

[7] Ini kerana beliau memiliki dua pendapat: *Qaul Qadim* dan *Qaul Jadid.* (penyunting)

[8] Yakni tempoh iddah bagi seorang wanita yang diceraikan ialah tiga kali suci. Jika dijadikan tempoh masa bagi haid dan suci ialah selang sehari, nescaya waktu iddah ini akan berakhir dalam masa lima hari sahaja. (penyunting)

Pendapat Ketiga:

Pendapat ketiga diberikan oleh Imam Ibn Qudamah *rahimahullah* dan ia merupakan jalan pertengahan antara dua pendapat yang pertama di atas. Beliau menulis di dalam kitabnya *al-Mughni,* jld. 1, ms. 355:

> (Bagi kes darah haid yang terputus-putus selang sehari), apabila ia berhenti mengalir dan belum genap satu hari (daripada saat berhentinya), seorang wanita itu tidak dikira suci. Ini berdasarkan riwayat yang telah kita sebut dalam perbahasan darah nifas, di mana ia tidak mengambil kira darah yang berhenti dalam tempoh yang belum genap sehari. Riwayat ini adalah sahih, insya-Allah.
>
> Darah yang sekejap ia mengalir dan sekejap ia berhenti akan menyulitkan orang kerana perlu kerap kali mengulangi mandi wajib. Ini menyalahi firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:
>
> **Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama**. [al-Hajj 22:78]
>
> Maka atas ini tidaklah dikira suci darah yang berhenti mengalir keluar dalam tempoh yang belum genap sehari. Kecuali jika kelihatannya tandanya yang jelas, seperti ia kering di akhir hari secara kebiasaannya atau ia melihat keluar (sesuatu seumpama) benang putih (barulah dikira suci).[9]

Keempat: Darah haid yang tidak mengalir.

---

[9] Maksudnya seorang wanita jangan menganggap dirinya telah suci daripada haid melainkan dengan dua petunjuk:

1. Haid sudah berhenti dan wujud tanda-tanda yang jelas bahawa tempoh haid sudah berakhir. Ini lazimnya merujuk kepada kes haid yang normal.
2. Haid sudah berhenti akan tetapi tidak wujud tanda yang jelas bahawa tempoh haid akan berakhir. Malah wujud kemungkinan ia akan mengalir semula. Ini merujuk kepada kes haid yang terputus-putus atau selang sehari. Maka tunggulah sehingga genap sehari, jika tiada lagi darah mengalir pada esoknya maka barulah pasti tempoh haid sudah berakhir. (penyunting)

Jika darah haid tidak mengalir, seperti menjadi kering atau hanya lembab, maka hukumnya terbahagi kepada dua kes:

1. Jika ia berlaku ketika sedang haid atau atau bersambungan di akhir masa haid, sebelum suci, maka ia dikategorikan sebagai haid (dan diwajibkan ke atasnya hukum-hukum yang bersamaan dengan darah haid biasa).
2. Jika ia berlaku selepas haid, yakni dalam masa suci, maka ia tidak dikategorikan sebagai haid.

Hukum bagi kedua-dua kes ini adalah sebagaimana kes cecair kekuningan atau kekeruhan yang telah dibahas di atas.

Terdapat beberapa hukum yang wajib ke atas wanita ketika sedang haid. Berikut dikemukakan sebahagian daripadanya yang terpenting:

Pertama: Solat.

Diharamkan solat ke atas wanita yang sedang haid, sama ada solat sunat mahupun solat fardhu. Bahkan tidak sah jika dia tetap melaksanakannya.

Namun terdapat satu pengecualian, iaitu apabila dia sempat memperoleh satu rakaat solat fardhu dalam waktunya, sama ada di awal waktu atau akhir waktu, maka wajib ke atasnya untuk melaksanakan solat fardhu tersebut.

Contoh: Memperoleh satu rakaat di awal waktu.

> Seorang wanita didatangi haid selepas masuk waktu Maghrib. Akan tetapi antara saat masuk waktu Maghrib dan saat dia didatangi haid, wujud satu tempoh masa yang, paling minima, sempat untuk dia melaksanakan rakaat pertama solat Maghrib.
>
> Maka wajib baginya mengqadha solat Maghrib tersebut apabila suci. Ini kerana pada asalnya dia dikira sempat mendapat satu rakaat daripada solat Maghrib tersebut sebelum datang haid.

Contoh: Memperoleh satu rakaat di akhir waktu.

> Seorang wanita suci daripada haid sebelum terbit matahari. Akan tetapi antara saat dia suci dan saat terbit matahari wujud satu tempoh masa yang, paling minima, sempat untuk dia melaksanakan rakaat pertama solat Subuh.
>
> Maka wajib baginya mengqadha solat Subuh tersebut apabila dia selesai bersuci (mandi wajib). Ini kerana pada asalnya dia dikira sempat mendapat satu rakaat daripada solat Subuh tersebut apabila tamat haidnya.

Jika tempoh masa yang wujud di awal waktu bagi wanita yang didatangi haid atau di akhir waktu bagi wanita yang tamat haid adalah terlalu singkat sehingga tidak mungkin melaksanakan minima satu rakaat solat, maka tidak wajib untuk baginya melaksanakan solat tersebut.

Dalil bagi seluruh hukum ini ialah sabda Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam*:

"Sesiapa yang mendapat satu rakaat dari solat maka sesungguhnya ia telah mendapat solat." [*Shahih al-Bukhari* – no: 580 *(Kitab waktu-waktu solat)* dan *Shahih Muslim* – no: 607 *(Kitab al-Masjid)*]

Apabila seorang wanita tamat haidnya dan sudah bersuci lalu dia berjaya memperoleh satu tempoh masa dalam waktu Asar, adakah wajib baginya untuk melaksanakan kedua-dua solat Zohor dan Asarnya (*jamak takhir*)? Atau sesudah bersuci dia berjaya memperoleh satu tempoh masa dalam waktu Isyak, adakah wajib baginya untuk melaksanakan kedua-dua solat Maghrib dan Isyak (*jamak takhir*)?

Terdapat perselisihan pendapat dalam persoalan ini. Namun yang benar dia hanya wajib melaksanakan solat yang berada dalam waktu tersebut sahaja. Iaitu solat Asar dalam waktu Asar (tanpa menjamak solat Zohor), solat Isyak dalam waktu Isyak (tanpa menjamak solat Maghrib).

Dalilnya adalah sabda Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam*:

"Apabila seseorang kamu memperoleh satu sujud daripada solat Asar sebelum terbenam matahari, maka hendaklah dia menyempurnakan solatnya." [*Shahih al-Bukhari* – no: 556 *(Kitab waktu-waktu solat)*]

Dalam hadis di atas Rasulullah tidak berkata: "Maka sesungguhnya dia telah mendapat solat Zuhur dan Asar" atau: "Wajib solat Zuhur ke atasnya."

Pendapat ini juga diperkuatkan oleh sebuah kaedah usul yang menyebut:

Pada asalnya tidak ada hukum yang ditanggung
(oleh manusia kecuali yang dipertanggungkan oleh syara').

Pendapat ini merupakan mazhab Abu Hanifah dan Malik sebagaimana yang disebut oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah* dalam kitabnya *Majmu' Syarh al-Muhazzab.*

<u>Kedua</u>: Berzikir dan Membaca al-Qur'an.

Wanita yang sedang haid boleh berzikir, ber*tasbih* (membaca *Subhanalah*), ber*tahmid* (membaca *alhamdulillah*), membaca *Bismillah* ketika makan dan sebagainya. Boleh juga membaca buku-buku hadis, fiqh (buku agama), berdoa, mengaminkan doa dan mendengar bacaan a-Qur'an.

Jelas di dalam kitab *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim* serta kitab-kitab

hadis yang lain bahawa Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* bersandar di riba 'A'isyah *radhiallahu 'anha* sambil membaca al-Qur'an padahal 'A'isyah di saat itu sedang haid.

Di dalam kitab *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim,* Umm 'Athiah *radhiallahu 'anha* berkata, Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda menyuruh keluar wanita-wanita dan anak-anak gadis yang berada di dalam rumah kepada solat dua hari raya (Solat Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha) supaya mereka dapat menyaksikan kebaikan dan seruan orang mukmin, dan jauhilah wanita haid daripada *mushalla* (tempat lapang solat Hari Raya).[10]

Juga diharuskan bagi wanita yang sedang haid untuk membaca al-Qur'an dengan cara melihat dengan mata atau menghayatinya dalam hati tanpa menutur dengan lidah. Boleh juga meletak mushaf al-Qur'an di hadapannya lalu melihat ayat-ayatnya dan membacanya dengan hati. Berkata Imam al-Nawawi *rahimahullah* dalam *Majmu' Syarh al-Muhazzab*: Hal ini diharuskan tanpa perselisihan pendapat.

Adapun membaca dengan lidah bagi wanita yang sedang haid, maka terdapat perbezaan pendapat. Jumhur ilmuan berpendapat ianya dilarang. Imam al-Bukhari, Ibn Jarir al-Thabari dan Ibn al-Munzir berpendapat ia diharuskan. Demikian juga oleh Imam Malik dan Imam al-Syafi'e dalam pendapatnya yang lama. Ini sebagaimana yang disebut oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *Fath al-Bari.* Imam al-Bukhari mengemukakan sebuah riwayat daripada Imam Ibrahim al-Nakha'e (seorang tokoh tabi'in) bahawa: "Tidak mengapa jika dibaca hanya satu ayat."

Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah membahas persoalan ini dalam kitabnya *Majmu' al-Fatawa,* jld. 26, ms. 191 :

> Sejak asal tidak ada larangan daripada al-Sunnah (bagi wanita yang sedang haid) membaca al-Qur'an. Hadis: "Wanita haid tidak boleh membaca sesuatu daripada al-Qur'an" adalah hadis yang lemah (dha'if) yang disepakati oleh para ahli hadis.
>
> Lebih dari itu, diketahui wanita-wanita di zaman Nabi shalallahu 'alaihi wasallam sedia mengalami haid. Maka jika haram ke atas mereka untuk membaca al-Qur'an sepertimana haram ke atas mereka mendirikan solat, nescaya ia diterangkan oleh Nabi kepada umatnya dan dipelajari oleh para isteri baginda. Hal ini kemudiannya akan tersebar kepada manusia.

---

10 Lihat *Shahih al-Bukhari* – no: 324 *(Kitab al-Haid)* (penyunting)

Namun tidak seorang jua yang meriwayatkan pengharaman seumpama daripada Nabi. Maka tidak boleh menghukum ia sebagai haram sedangkan baginda Nabi sendiri tidak pernah mengharamkannya. Justeru apabila Nabi tidak menegah daripada demikian padahal ramai wanita yang haid di zamannya, bererti diketahui bahawa tidaklah haram bagi wanita haid membaca al-Qur'an.

Di antara perselisihan pendapat ini, yang lebih utama ialah wanita yang sedang haid tidak membaca al-Qur'an dengan lidahnya melainkan jika perlu, seperti guru yang mengajar al-Qur'an, murid yang menduduki peperiksaan dan sebagainya.

Ketiga: Puasa.

Diharamkan bagi wanita yang sedang haid untuk berpuasa, sama ada puasa sunat mahupun puasa fardhu. Jika dia tetap berpuasa maka tidak sah puasanya.

Akan tetapi dia wajib mengqadha puasa fardhunya berdasarkan kenyataan 'A'isyah *radhiallahu 'anha*:

"Apabila yang demikian itu (haid) menimpa kami, maka kami disuruh (oleh Rasulullah) mengqadha puasa namun tidak disuruh untuk mengqadha solat." [*Shahih Muslim* – no: 335 *(Kitab al-Haid)*]

Berikut beberapa permasalahan khusus antara puasa dan wanita yang haid:

1. Apabila seorang wanita sedang berpuasa lalu dia didatangi haid, maka puasanya menjadi batal sekalipun waktu berbuka (waktu Maghrib) sudah sangat hampir. Dia wajib mengqadha puasa tersebut jika ia adalah puasa fardhu.

2. Apabila seorang wanita sedang berpuasa lalu dia merasa akan didatangi haid sebelum waktu berbuka (waktu Maghrib), maka teruskan menyempurnakan puasanya itu. Menurut pendapat yang benar,[11] puasanya tidak batal kerana sesungguhnya darah masih berada di dalam badan dan tidak ada hukum baginya (selagi ia tidak mengalir keluar).

   Ini sebagaimana kes seorang wanita yang bermimpi seperti seorang lelaki lalu datang menemui Nabi *shalallahu 'alaihi wasallam* bertanya, adakah dia perlu

[11] Maksudnya wujud perselisihan pendapat dalam hal ini, lalu dikemukakan yang dianggap paling tepat lagi benar. (penyunting)

mandi wajib? Baginda menjawab: ***"Ya, jika dia melihat ada air (mani yang mengalir keluar)."***

Dalam hadis di atas Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* menghubungkan hukum mandi wajib dengan kewujudan air mani dan bukan masa. Maka demikianlah juga dengan haid, dilaksanakan hukum-hukumnya berdasarkan keluarnya haid, bukan berdasarkan masanya.[12]

3. Apabila seorang wanita didatangi haid hanya sekadar tempoh masa yang pendek selepas terbitnya fajar (masuk waktu Subuh), maka puasanya tetap tidak sah.

4. Apabila seorang wanita tamat haidnya sebelum terbit fajar (belum masuk waktu Subuh), maka dia boleh berpuasa dan puasanya adalah sah sekalipun dia belum sempat mandi wajib.

   Ini sebagaimana hukum orang berjunub yang berpuasa padahal dia tidak mandi wajib kecuali selepas terbit fajar (masuk waktu Subuh). Puasanya tetap sah berdasarkan hadis 'A'isyah *radhiallahu 'anha*:

"Pernah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bangun pagi dalam keadaan junub bukan kerana bermimpi. Kemudian baginda berpuasa." [*Shahih al-Bukhari* – no: 1932 *(Kitab al-Siyam)*]

Keempat: Tawaf di Ka'bah.

Diharamkan bagi wanita yang sedang haid untuk tawaf, sama ada tawaf sunat mahupun tawaf fardhu. Jika dia tetap tawaf maka tidak sah tawafnya. Ketika mengikuti rombongan haji bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* 'A'isyah *radhiallahu 'anha* didatangi haid, lalu beliau bertanya hukumnya. Rasulullah menjawab:

"Lakukan apa yang telah dilakukan oleh orang haji kecuali jangan bertawaf di Ka'abah sehingga kamu bersuci." [*Shahih Muslim* – no: 1211]

Akan tetapi diharuskan melaksanakan lain-lain amalan daripada haji dan umrah seperti sa'e antara Safa dan Marwah, wuquf, bermalam di Mudzalifah dan

---

[12] Maka apabila seorang wanita merasakan sudah tiba masa haidnya, sama ada kerana ukuran kebiasaan di kalendar atau sebagainya, dia tetap dikira suci sehinggalah darah haid mengalir keluar. (penyunting)

Mina, melontar jamrah dan sebagainya.

Apabila seorang wanita telah menyempurnakan ibadah haji dan umrah lalu dia didatangi haid yang berterusan sehingga saat hendak balik ke negerinya, dia boleh balik tanpa melakukan tawaf wida’ (tawaf selamat tinggal). Ini berdasarkan hadis Ibn ‘Abbas *radhiallahu 'anh*:

“Orang ramai disuruh untuk mengakhiri pertemuan mereka di al-Bait (Ka’bah dengan tawaf), kecuali (suruhan ini) diringankan daripada wanita yang sedang haid.” [*Shahih Muslim* – no: 1328 *(Kitab al-Haj)*]

Adapun amalan datang ke pintu Masjid al-Haram dan berdoa bagi wanita haid yang hendak balik ke negerinya, maka ia tidak berasal daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Perlu diingatkan bahawa setiap ibadat hendaklah berasal daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

Bahkan amalan di atas bertentangan dengan apa yang diajar oleh Rasulullah, di mana apabila Safiyah *radhiallahu 'anha* didatangi haid sesudah tawaf ifahad, baginda bersabda kepada beliau: ***“Maka hendaklah dia beransur pergi.”*** [*Shahih Muslim* – no: 1211 *(Kitab al-Haj)*]

Baginda tidak menyuruh Safiyah pergi ke pintu masjid padahal jika yang sedemikian adalah amalan yang disyari‘atkan pasti baginda akan menjelaskannya.

Demikian hukumnya bagi tawaf wida’ dan wanita yang didatangi haid. Adapun tawaf wajib bagi ibadah haji dan umrah, ia tidak gugur daripada wanita yang didatangi haid. Dia tetap wajib melaksanakannya apabila sudah suci.

Kelima: Duduk Dalam Masjid.

Diharamkan bagi wanita yang sedang haid untuk berada atau duduk dalam masjid, termasuk padang yang digunakan untuk solat Hari Raya. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Umm ‘Athiah *radhiallahu 'anha* bahawa Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

“Suruhlah keluar wanita-wanita dan anak-anak gadis yang berada di dalam rumah (kepada solat dua hari raya) supaya mereka dapat menyaksikan kebaikan dan seruan orang mukmin, dan jauhilah wanita haid daripada mushalla (tempat lapang solat Hari Raya).” [*Shahih al-Bukhari* – no: 1652 *(Kitab al-Haj)*]

Keenam: Bersetubuh.

Diharamkan bagi seorang suami untuk menyetubuhi isterinya yang sedang haid. Demikian juga, diharamkan bagi seorang isteri yang sedang haid untuk membiarkan suaminya menyetubuhinya. Dalilnya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (huku m) haid. *Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang mendatangkan mudarat." Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.*

Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. SesungguhNya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. [al-Baqarah 2:222]

Yang dimaksudkan dengan *al-Mahidh* ialah masa haid dan tempatnya ialah di faraj. Larangan ini juga berdasarkan sebuah hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

"Lakukanlah apa sahaja (dengan isterimu yang sedang haid) kecuali nikah (bersetubuh)." [*Shahih Muslim* – no: 302 *Kitab al-Haid)*].

Lebih dari itu umat Islam telah bersepakat bahawa haram hukumnya bersetubuh dengan isteri yang sedang haid.

Oleh itu tidak halal bagi seorang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat untuk melakukan kemungkaran bersetubuh ketika haid. Larangan ini telah ditunjukkan oleh al-Qur'an, al-Sunnah dan ijma' (kesepakatan) umat Islam.

Justeru jika seseorang itu tetap melakukan kemungkaran bersetubuh ketika haid, maka termasuklah dia di kalangan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta mengikuti jalan yang selain daripada jalan orang-orang Islam. Imam al-Nawawi *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab,* jld. 2, ms. 374 menukil kata-kata Imam al-Syafi'e *rahimahullah*:

Sesiapa yang melakukannya maka sesungguhnya dia melakukan dosa besar,

demikian berkata para sahabat kami (para tokoh Mazhab al-Syafi'e), manakala yang selainnya (para tokoh mazhab lain) berkata: Sesiapa yang menghalalkan setubuh dengan wanita haid dihukumkan kafir.

Selain itu, dihalalkan bagi suami untuk memuaskan nafsunya dengan berciuman, berpelukan, bersentuhan dan lain-lain, asalkan bukan faraj. Malah lebih utama jika tidak bersentuhan kulit pada kawasan yang terletak antara pusat dan lutut kecuali dengan berlapik. 'A'isyah *radhiallahu 'anha* berkata:

"(Nabi shallallahu 'alaihi wasallam) menyuruhku supaya memakai kain kemudian baginda menyentuhiku sedangkan aku sedang haid." [*Shahih al-Bukhari* – no: 301 *(Kitab al-Haid)*]

<u>Ketujuh</u>: Talak (Cerai)

Diharamkan ke atas suami untuk menceraikan isterinya yang sedang haid. Dalilnya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddahnya. [al-Talaq 65:01]

Seorang isteri diketahui memulakan iddahnya dengan kehamilan atau datang haid sesudah berlalu waktu suci. Seorang suami menyetubuhi isterinya ketika suci lalu kemudian menceraikannya, iddah isteri diketahui dengan kehamilan. Jika tidak hamil, maka iddah isteri diketahui dengan datang haid. Seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya yang sedang haid kerana masa haid tidak dikira sebagai permulaan iddah.

Maka menceraikan wanita yang sedang haid adalah haram berdasarkan ayat di atas. Lebih dari itu tercatit di dalam kitab *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim* serta kitab-kitab hadis yang lain, 'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* pernah menceraikan isterinya yang sedang haid. 'Umar *radhiallahu 'anh* memberitahu hal ini kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Wajah Rasulullah berubah kerana marah dan baginda menyuruh Ibn 'Umar merujuk kembali isterinya, kemudian memegangnya sehingga dia suci, kemudian haid, kemudian suci. Kemudian jika dia mahu, boleh memegangnya (memperisterikannya seperti biasa) dan jika dia mahu, boleh menceraikannya sebelum menyetubuhinya. Maka demikianlah iddah yang Allah

telah perintahkan bahawa diceraikan wanita padanya.[13]

Justeru jika seorang suami menceraikan isterinya yang sedang haid, dia berdosa. Dia wajib bertaubat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala.* Kemudian hendaklah dia mengambil isterinya kembali di bawah jagaannya untuk diceraikan dengan penceraian yang menepati syari'at Allah dan Rasul-Nya.

Iaitu, hendaklah dia tidak menyetubuhi isterinya sehinggalah dia (isteri) menjadi suci dari haid. Kemudian barulah dijatuhkan talak (diceraikan), ditunggu hingga datang haid sekali lagi, kemudian suci semula. Maka setelah itu jika dia (suami) ingin kembali bersama isterinya maka dia boleh rujuk semula. Jika dia (suami) tidak ingin maka boleh dilepaskan, dengan syarat tidak disetubuhi isterinya dalam jangka masa tersebut.

Hukum haram menceraikan isteri yang sedang haid memiliki 3 pengecualian:

<u>Pertama</u>:

Tidak mengapa (tidak haram) menceraikan isteri yang sedang haid jika sejak bernikah pasangan suami isteri tersebut belum pernah bersamaan atau bersetubuh. Ini kerana tidak ada iddah bagi isteri dalam kes seperti ini sehingga penceraian yang dijatuhkan ke atasnya tidak menyalahi firman Allah di atas.

<u>Kedua</u>:

Tidak mengapa (tidak haram) menceraikan isteri yang didatangi haid ketika sedang hamil. Hal ini telah diterangkan sebelum ini dalam **Bab kedua**, dalam perbincangan **Haid Wanita Hamil.**

<u>Ketiga</u>:

Tidak mengapa (tidak haram) jika berlaku penceraian secara tebus talak (*khulu'*). Iaitu seorang suami yang menceraikan isterinya yang sedang haid dengan mengambil bayaran.

Dalilnya adalah sebuah hadis daripada Ibn 'Abbas *radhiallahu 'anh* yang menceritakan tentang isteri Thabit bin Qays *radhiallahu 'anha* yang datang menemui Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* lalu berkata:

"Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku tidak mencelanya (suaminya: Thabit bin Qays) kerana akhlak dan agamanya tetapi aku membenci

---

[13] Lihat *Shahih al-Bukhari* – no: 4908 *(Kitab al-Tafsir).* (penyunting)

kekufuran dalam Islam." Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bertanya: "Adakah kamu mengembalikan kebunnya?" Isteri Thabit menjawab: "Ya." Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda (kepada Thabit): Terimalah kebunmu dan ceraikanlah dia dengan satu talak." [*Shahih al-Bukhari* – no: 5273 *(Kitab al-Thalaq)*]

Dalam hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak bertanya sama ada isteri Thabit bin Qays sedang haid atau tidak. Akan tetapi memandangkan talak ini adalah tebusan seorang isteri untuk dirinya sendiri, maka ia diharuskan dalam semua keadaan tanpa mengira sama ada sedang haid atau tidak.

Imam Ibn Qudamah *rahimahullah* di dalam kitabnya *al-Mughni* menerangkan sebab diharuskan tebus talak (*khulu'*) bagi seorang isteri yang sedang haid:

> Larangan untuk menceraikan isteri yang sedang haid ialah bagi mengelakkan mudarat tempoh iddah yang panjang. Akan tetapi diharuskan tebus talak kerana kes tebus talak membabitkan seorang isteri yang menghadapi kehidupan bersama suami yang dia benci. Ini adalah satu mudarat yang besar ke atas isteri berbanding mudarat tempoh iddah yang panjang. Antara dua mudarat, perlu ditolak mudarat yang lebih besar. Atas dasar ini, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidak bertanya kepada isteri yang hendak menebus talak dirinya (sama ada dia sedang haid atau tidak).

Demikianlah 3 pengecualian yang membolehkan penceraian ketika seorang isteri sedang haid.

Selain itu sebagai poin tambahan, diharuskan melangsungkan akad nikah dengan seorang wanita yang sedang haid. Tidak ada dalil yang menegah hal ini. Akan tetapi lebih utama jika diperhatikan kedudukan bakal suami tersebut sama ada dia boleh mengawal dirinya daripada terus menyetubuhi isteri barunya itu yang sedang haid. Jika dia dapat mengawal dirinya maka tidak mengapa untuk meneruskan akad nikah. Akan tetapi jika tidak, maka lebih utama untuk ditangguhkan sehingga bakal isteri menjadi suci supaya tidak terjadi persetubuhan yang dilarang.

<u>Kelapan</u>: Dikira Bilangan Talak Dengan Haid.

Apabila seorang suami menceraikan isterinya selepas menyetubuhinya, maka wajib ke atas isteri tersebut menghitung iddahnya dengan kedatangan tiga kali haid yang sempurna. Syarat ini adalah bagi isteri yang masih didatangi putaran haid dan

tidak hamil. Dalilnya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali haid. [al-Baqarah 2:228]

Syarat menghitung iddah sepertimana di atas memiliki beberapa pengkhususan bagi kes yang berbeza-beza:

Pertama:

Jika isteri yang diceraikan sedang hamil, hitungan iddahnya adalah dengan kelahiran anak tanpa mengira sama ada tempoh hamilnya adalah panjang atau pendek. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. [al-Thalaq 65:04]

Kedua:

Jika isteri yang diceraikan tidak memiliki putaran haid, seperti kanak-kanak yang belum haid, orang tua yang putus haid, wanita yang dibuang rahimnya kerana sebab perubatan dan sebagainya, maka hitungan iddahnya ialah tiga bulan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka iddahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. [al-Thalaq 65:04]

Ketiga:

Jika isteri yang diceraikan memiliki putaran haid tetapi ia terhenti kerana faktor yang diketahui seperti sakit atau sedang menyusu, maka dia wajib menunggu sehingga haidnya datang kembali dan menghitungnya dengan 3 putaran haid yang sempurna. Seluruh proses menunggu dan 3 putaran haid tersebut adalah tempoh iddah baginya, sekalipun ia mengambil masa yang agak lama.

Bagi kes di atas, jika isteri yang terhenti haidnya kembali sembuh atau selesai menyusu namun haidnya tetap tidak datang kembali, maka iddahnya adalah selama 12 bulan (setahun) bermula dari saat kesembuhannya atau akhir menyusu. Inilah

pendapat yang benar lagi selari dengan kaedah-kaedah syarak kerana kes ini dikategorikan sebagai wanita yang tidak didatangi haid dengan sebab yang tidak diketahui. Tempoh iddah 12 bulan merangkumi 9 bulan masa mengandung sebagai langkah berhati-hati kerana ia adalah tempoh hamil yang lazim dan 3 bulan sebagai bilangan iddah.

Keempat:

Jika isteri yang diceraikan belum bersama-samaan dan bersetubuh dengan suami, maka baginya tidak ada hitungan iddah. Dalilnya ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya (bersetubuh), maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang iddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah "mut'ah" (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya. [al-Ahzab 33:49]

Kesembilan: Menghukum Kekosongan Rahim.

Kekosongan rahim bermaksud tidak hamil. Sebagai contoh, seorang isteri yang kematian suami berkahwin dengan suami yang baru. Suami yang baru tidak boleh menyetubuhinya sehingga dia didatangi haid atau jelas hamil. Jika isteri tersebut hamil maka dihukumkan bahawa kandungannya itu adalah daripada zuriat suaminya yang meninggal dunia. Sebaliknya jika isteri didatangi haid maka dihukumkan bahawa dia tidak mengandung apa-apa daripada suaminya yang meninggal dunia. Maka kedatangan haid menandakan kekosongan rahim.

Kesepuluh: Wajib Mandi.

Apabila haid berhenti, wajib mandi dengan mengenakan air ke seluruh anggota badan berdasarkan perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Fathimah binti Abi Hubaisy *radhiallahu 'anha*:

"Apabila datang haid maka hendaklah kamu meninggalkan solat, dan

apabila hilang haid maka hendaklah kamu mandi dan solat." [*Shahih al-Bukhari* – no: 320 *(Kitab al-Haid)*]

Syarat paling minimum bagi mandi wajib adalah dikenakan air pada seluruh anggota badan termasuklah ke bawah rambut. Cara yang afdhal ialah sebagaimana tunjuk ajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Asma' binti Syakl *radhiallahu 'anha*:

"(Orang yang akan mandi), ambillah air dan daun bidara. Kemudian dia berwudhu' dan memperelokkan wudhu'nya. Kemudian dia menjirus air ke atas kepalanya lalu dia menggosok kepalanya dengan bersungguh-sungguh sehingga air sampai ke kulit kepala. Kemudian dia menjirus air ke atas badannya. Kemudian dia mengambil cebisan kain yang diletak wangian lalu dia bersuci dengannya."

Asma' bertanya: "Bagaimana saya bersuci dengannya (cebian kain tersebut)?"

Rasulullah menjawab: "Subhanallah! Bersucilah dengan ia"

Lalu berkata 'A'isyah kepada Asma': "Kamu menyapu kesan-kesan darah (dengan cebisan kain tersebut)." [*Shahih Muslim* – no: 332 *(Kitab al-Haid)*]

Tidak wajib membuka ikatan rambut kecuali jika ia terikat dengan kuat kerana dibimbangi air tidak akan sampai ke kulit kepala. Umm Salamah *radhiallahu 'anha* pernah bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

"Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya seorang wanita yang mempunyai rambut yang banyak (lebat), adakah perlu saya merungkaikannya untuk mandi junub". (Dalam riwayat yang lain): "...... untuk mandi haid dan junub."

Jawab Rasulullah:

"Tidak, memadai kamu menyiram atas kepala kamu dengan tiga kali siraman, kemudian kamu menyiram atas badan kamu dengan air. Maka sucilah kamu." [*Shahih Muslim* – no: 330 *(Kitab al-Haid)*]

Jika haid berhenti sesudah masuk waktu solat maka wajib segera mandi supaya dapat dilaksanakan solat dalam waktunya. Jika menghadapi kesukaran untuk

mandi seperti musafir, tidak ada air, mudarat menggunakan air[14] atau sakit, maka boleh bertayamum sebagai ganti kepada mandi. Apabila faktor kesukaran hilang, maka wajib mandi.[15]

Adakalanya apabila haid berhenti di akhir waktu solat, tidak boleh sengaja menangguhkan mandi sehingga ke waktu solat yang seterusnya. Dia tetap wajib mandi, sekalipun hanya secara ringkas supaya tetap dapat melaksanakan solat pada waktunya. Selepas itu bolehlah mandi dengan sempurna.[16]

5 Istihadah Dan Hukum-Hukumnya

Istihadah ialah darah yang keluar secara berterusan bagi seorang wanita. Ia keluar tanpa terputus-putus atau mungkin terputus sekejap seperti sehari-dua dalam

[14] Seperti di musim dingin di mana menggunakan air yang sejuk untuk mandi boleh mendatangkan mudarat. Akan tetapi di masa kini kebanyakan bilik mandi sudah dilengkapi dengan sistem air yang panas. (penyunting)

[15] Dalam suasana kesukaran sepertimana yang disebut di atas, solat yang dilaksanakan oleh seorang wanita tetap sah sekalipun dengan hanya bertayamum untuk suci daripada haid. Apabila faktor kesukaran hilang dan dia dapat mandi wajib seperti biasa, tidak perlu diulangi solat-solat tersebut. (penyunting)

[16] Jika diperhatikan tunjuk ajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang tatacara mandi wajib, ia adalah mudah lagi ringkas. Rujuk semula hadis Asma' binti Syakl dan Umm Salamah di atas. Akan tetapi sebahagian muslimah masa kini telah menyulitkan mandi dengan pelbagai gunaan sabun, shower gel, rendaman herba, shampoo buah-buahan, skrub muka dan lain-lain lagi. Mandi sebegini sudah menjadi kelaziman sehingga dianggap "tidak sah" tanpanya. Yang benar mandi wajib yang dituntut oleh syari'at Islam adalah mudah lagi ringkas sehingga boleh disempurnakan dalam masa yang singkat sahaja. (penyunting)

sebulan.

Dalil bagi kes pertama, yakni darah keluar tanpa terputus-putus ialah sebagaimana aduan Fathimah binti Abi Hubaisy *radhiallahu 'anha* kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana di dalam *Shahih al-Bukhari*: ***"Ya Rasulullah! Sesungguhnya aku tidak suci"*** manakala dalam satu riwayat yang lain: ***"Aku didatangi istihadah maka aku tidak suci."***

Dalil bagi kes kedua, yakni darah keluar dengan terputus sekejap ialah kisah Himnah binti Jahsy *radhiallahu 'anha* yang datang menemui Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* lalu berkata: ***"Ya Rasulullah, sesungguhnya aku didatangi darah istihadah yang banyak."*** [*Musnad Ahmad, Sunan Abu Daud* dan *Sunan al-Tirmizi* dan beliau (al-Tirmizi) mensahihkannya.]

Terdapat tiga cara bagi membezakan antara darah haid dan istihadah:

Pertama:

Wanita yang **memiliki** masa haid yang tetap (tempoh dan putarannya). Maka baginya hukum haid dalam masa yang tetap tersebut dan hukum istihadah bagi waktu selainnya.

Contohnya ialah seorang wanita yang lazimnya didatangi haid selama enam hari bermula awal setiap bulan. Kemudian (pada satu bulan) dia mengalami pendarahan yang berterusan. Maka pendarahan enam hari yang pertama bermula dari awal bulan dikira sebagai haid manakala hari-hari selebihnya dikira sebagai istihadah.

'A'isyah *radhiallahu 'anha* menerangkan bahawa Fathimah binti Abi Hubaisy *radhiallahu 'anha* pernah bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

"Sesungguhnya aku didatangi istihadah, maka aku tidak suci. Adakah aku perlu meninggalkan solat?". Rasulullah menjawab: "Tidak, sesungguhnya itu ialah 'irq (penyakit). Tinggalkan solat pada kadar haid yang kebiasaan bagi kamu, kemudian hendaklah kamu mandi dan dirikan solat." [*Shahih al-Bukhari* – no: 325 *(Kitab al-Haid)*]

Hal yang sama pernah berlaku kepada Umm Habibah binti Jahsy *radhiallahu 'anha* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda kepada beliau:

"Duduklah (dalam keadaan haid) sekadar mana yang pernah kamu alami dari hari-hari haid kamu (yang biasa), kemudian hendaklah kamu

mandi dan solat". [*Shahih Muslim* – no: 334 *(Kitab al-Haid)*]

Kesimpulannya, bagi wanita yang memiliki masa haid yang tetap (tempoh dan putarannya), hendaklah dia mengira masa haidnya mengikut kebiasaan. Jika ada pendarahan pada hari-hari seterusnya, hendaklah dia mandi dan solat mengikut ukuran masa haidnya yang biasa. Tidak perlu diberi perhatian kepada pendarahan pada hari-hari seterusnya kerana itu adalah istihadah.

Kedua:

Wanita yang **tidak memiliki** masa haid yang tetap atau diketahui (tempoh dan putarannya). Contohnnya darah yang keluar secara berterusan sejak awal. Maka baginya dibezakan antara darah haid dan darah istihadah dengan memerhatikan sifat-sifat darah tersebut. Darah yang berwarna hitam (merah kehitaman) dan/atau pekat dan/atau berbau, ia adalah darah haid. Selainnya adalah darah istihadah.

Sebagai contoh, seorang wanita yang mengalami pendarahan secara berterusan. Akan tetapi pada hari kesepuluh kelihatan perbezaan sifat darah:

- ❑ Sehingga hari kesepuluh darah berwarna hitam (merah kehitaman) manakala selepas itu ia berwarna merah. Maka darah yang berwarna hitam adalah haid, darah yang berwarna merah adalah istihadah.
- ❑ Sehingga hari kesepuluh darah bersifat pekat manakala selepas itu menjadi cair. Maka darah yang pekat adalah haid, darah yang cair adalah istihadah.
- ❑ Sehingga hari kesepuluh darah memiliki bau manakala selepas itu tiada lagi bau. Maka darah yang berbau adalah haid, darah yang tidak berbau adalah istihadah.

Diriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda kepada Fathimah binti Abi Hubaisy *radhiallahu 'anha*:

"Apabila darah itu adalah haid maka sesungguhnya ia hitam (lagi) dikenali, justeru hendaklah kamu menahan dari melakukan solat. Jika ia adalah (darah) selain itu maka hendaklah kamu berwudhu' dan mendirikan solat kerana sesungguhnya ia adalah (darah) penyakit." [*Sunan Abu Daud* – no: 247 *(Kitab al-Thaharah)* dan *Sunan al-Nasa'i* dengan disahihkan oleh Ibn Hibban dan al-Hakim]

Hadis di atas memiliki perbincangan dari sudut sanad dan matannya, akan tetapi para ilmuan *rahimahumullah* telah beramal dengannya. Bahkan ia adalah lebih

utama daripada membiarkan persoalan ini kepada adat kebiasaan wanita.[17]

Ketiga:

Wanita yang **tidak memiliki** masa (tempoh dan putaran) haid yang tetap dan **tidak juga memiliki** sifat-sifat darah yang dapat dibezakan antara haid dan istihadah. Maka baginya masa haid diukur berdasarkan kebiasaan wanita, waktu selebihnya dikira sebagai istihadah.

Sebagai contoh, wanita yang menghadapi kes ketiga ini melihat darah keluar secara berterusan bermula pada hari Khamis yang pertama dalam bulan tersebut. Maka hendaklah dia melihat kebiasaan para wanita lain yang menghampirinya dan menjadikan tempoh haid mereka sebagai ukuran ke atas dirinya. Jika pada kebiasaannya mereka didatangi haid selama enam atau tujuh hari, maka demikianlah juga ukuran ke atas dirinya. Oleh itu enam atau tujuh hari yang pertama pendarahan, bermula daripada hari Khamis, dianggap sebagai haid. Hari-hari seterusnya dianggap sebagai istihadah.

Hadis berikut menjadi rujukan dalam kes ketiga ini. Himnah binti Jahsy *radhiallahu 'anha* pernah bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

"Ya Rasulullah! Sesungguhnya saya seorang wanita yang didatangi istihadah yang amat banyak, apakah pandangan engkau berkenaannya? Sesungguhnya ia menegah aku daripada mendirikan solat dan puasa."

Rasulullah menjawab: "Aku akan terangkan untuk kamu (cara menggunakan) al-Kursuf (kapas yang diletakkan di faraj), sesungguhnya ia dapat menghilangkan darah."

Himnah berkata: "Ia (darah saya) lebih banyak dari demikian itu".

Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya ia (pendarahan kamu) adalah hentakan dari hentakan-hentakan syaitan, maka (apabila) kamu didatangi haid selama enam atau tujuh hari pada ilmu Allah Ta'ala, hendaklah kamu mandi apabila kamu lihat bahawa kamu telah suci (dari darah haid), maka hendaklah kamu solat pada pada dua puluh tiga malam atau dua puluh empat malam dan siangnya dan hendaklah kamu berpuasa." [*Sunan Abu Daud* – no: 248 *(Kitab al-Thaharah)* dan *Sunan al-Tirmizi* – no: 118 *(Kitab al-Thaharah)*

[17] Maksudnya, jika persoalan ini dibiarkan kepada adat kebiasaan wanita, ia akan terdedah kepada pelbagai pendapat dan hukum yang tidak benar. Justeru lebih baik menggunakan hadis di atas sebagai rujukan. Sekalipun ia memiliki perselisihan pendapat dari sudut kekuatannya, maksudnya tetap selari dengan lain-lain petunjuk syari'at sehingga menjadi amalan para ilmuan sejak dari dahulu. (penyunting)

dan berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih]

Sabda Rasulullah: **"Enam atau tujuh hari"** bukanlah penetapan tetapi ijtihad. Oleh itu hendaklah setiap wanita yang menghadapi kes ketiga ini berijtihad akan satu tempoh haid yang sesuai baginya. Ijtihad dibuat dengan merujuk kepada tempoh haid yang lazim dihadapi oleh para wanita lain yang menghampiri dirinya, seperti daripada keluarga atau adik beradik yang sama, rakan-rakan yang sebaya umurnya dan lain-lain lagi.[18]

Demikian tiga cara yang paling lazim bagi membezakan antara darah haid dan istihadah. Sebagai penjelasan tambahan, kadang-kala berlaku pendarahan yang disalah anggap sebagai istihadah. Kesalahan ini boleh berlaku dalam dua kes:

Pertama:

Wanita yang mengetahui dengan jelas bahawa dia tidak akan didatangi haid lagi, seperti setelah melakukan pembedahan yang melibatkan pemotongan atau ikatan rahim. Maka baginya, yang mengalir keluar bukanlah istihadah tetapi *al-Sufrah* (cecair kekuningan) dan *al-Kudrah* (cecair kekeruhan antara kuning dan hitam) atau basahan. Maka hendaklah dia mendirikan solat dan puasa, serta boleh bersetubuh dengan suaminya. Dia tidak diwajibkan mandi (mandi wajib) kerana darah yang keluar tersebut.

Akan tetapi hendaklah dia membasuh faraj serta mengikatnya dengan kain[19] supaya dapat mencegah darah daripada mengalir keluar. Bagi **setiap** solat fardhu, hendaklah dia berwudhu' sesudah masuk waktu kemudian terus bersolat. Bagi **setiap** solat sunat, hendaklah dia berwudhu' apabila sahaja hendak mendirikannya.[20]

---

[18] "Para wanita lain" ini hendaklah memiliki tempoh dan putaran haid yang normal. Sebagai contoh, jika seorang wanita menghadapi kes ketiga ini, hendaklah dia merujuk kepada tempoh dan putaran haid yang lazim bagi adik beradiknya yang lain. Jika mereka didatangi haid selama 10 hari setiap satu bulan, maka tempoh 10 hari tersebut menjadi ukuran bagi dirinya juga. Maka bagi pendarahan berterusan yang dihadapinya, 10 hari setiap bulan dianggap sebagai haid manakala selebihnya dianggap istihadah. (penyunting)

[19] Atau tuala wanita (penyunting).

[20] Maksudnya, satu wudhu' bagi satu solat. Hukum ini khusus sebagai satu kemudahan (*rukhsah*) untuk kes ini sahaja supaya apa-apa yang mengalir keluar dari faraj tidak dikira membatalkan solat. Justeru tidak boleh menggunakan wudhu' yang sama untuk dua solat, seperti menggunakan wudhu' yang sama untuk menunaikan solat Maghrib dan "menyimpannya" untuk solat Isya' kemudian. Juga tidak boleh berwudhu' jauh sebelum waktu solat, seperti mengambil wudhu' pada pukul 6 petang untuk solat Maghrib pada pukul 7.30 malam. (penyunting)

Kedua:

Wanita yang tidak tahu secara jelas sama ada dia akan didatangi haid atau tidak. Maka baginya, pendarahan yang berlaku dianggap sebagai haid dan istihadah, dibezakan dengan tiga cara yang telah disebut di atas.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda kepada Fathimah binti Abi Hubaisy:

"Sesungguhnya yang demikian itu ialah 'irq (penyakit) bukanlah darah haid maka apabila datang haid maka hendaklah kamu meninggalkan solat." [*Shahih al-Bukhari* – no: 306 *(Kitab al-Haid)*]

Sabda Rasulullah: **"...Maka apabila datang haid..."** menjadi petunjuk yang membezakan antara haid dan istihadah. Maka bagi seorang wanita yang mungkin baginya untuk datang haid, maka hendaklah dia membezakan antara haid dan istihadah sepertimana tiga cara yang disebut di atas. Bagi wanita yang tidak mungkin didatangi haid maka yang wujud hanyalah *'Irq* (penyakit) dalam apa jua keadaan sekalipun.

Hukum-Hukum Istihadah.

Sebelum ini dalam Bab 4 kita telah bahas hukum-hukum yang diwajibkan ke atas wanita yang sedang haid. Kini kita akan bahas pula hukum-hukum yang diwajibkan ke atas wanita yang beristihadah. Apabila seorang wanita telah memastikan bahawa dia sedang mengalami pendarahan istihadah dan bukan haid, maka hukum-hukum yang diwajibkan ke atasnya adalah **sama** sepertimana wanita yang suci **kecuali** dalam tiga perkara berikut:

Pertama:

Wanita yang beristihadah wajib berwudhu' setiap kali hendak solat. Ini berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Fathimah binti Abi Hubaisy *radhiallahu 'anha* di dalam *Shahih al-Bukhari* – no: 228: ***"Kemudian hendaklah kamu berwudhu' pada setiap solat."*** Hadis ini memberi makna bahawa dia tidak berwudhu' untuk solat yang berwaktu kecuali selepas masuk waktunya. Adapun bagi solat yang tidak berwaktu (solat sunat) maka dia berwudhu' ketika hendak melaksanakannya.

Kedua:

Apabila wanita yang beristihadah hendak berwudhu', hendaklah dia membasuh kesan darah dan mengikat farajnya dengan cebisan kain yang dilapik dengan kapas supaya dapat menahan darah.[21] Ini berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Himnah *radhiallahu 'anha*:

"Aku akan terangkan untuk kamu (cara menggunakan) al-Kursuf (kapas yang diletakkan di faraj), sesungguhnya ia dapat menghilangkan darah."

Himnah berkata: "Ia (darah saya) lebih banyak dari demikian itu".

Rasulullah bersabda: "Maka hendaklah kamu mengekangnya (mengikatnya)…." [*Sunan al-Tirmizi* – no: 118 *(Kitab al-Thaharah)* dan beliau berkata: Hadis ini hasan sahih]

Apa yang keluar (apa-apa pendarahan) selepas itu tidaklah memudaratkan (tidak membatalkan wudhu') berdasarkan hadis berikut riwayat Ahmad dan Ibn Majah:

"Wahai Rasulullah, Sesungguhnya aku seorang wanita yang mengalami istihadah sehingga aku tidak suci, apakah aku patut meninggalkan solat? Tidak, hendaklah kamu jauhi solat pada hari-hari haidmu (sahaja) kemudian hendaklah kamu mandi dan berwudhu' untuk setiap solat kemudian dirikanlah solat walaupun darah menitis jatuh ke atas tikar."[22] [*Musnad Ahmad* – no: 25681 dan disahihkan oleh Syu'aib al-Arnauth]

Ketiga:

Bersetubuh, maka para ilmuan berselisih pendapat mengenai kebolehannya. Pendapat yang sahih adalah ianya harus (dibolehkan) tanpa sekatan berdasarkan sebab-sebab berikut:

1. Merupakan satu kelaziman bagi para wanita pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengalami istihadah. Akan tetapi Allah dan Rasul-Nya tidak pernah menegah para suami daripada menyetubuhi isteri mereka.

2. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

[21] Atau dengan memakai tuala wanita. (penyunting)

[22] *Musnad Ahmad* – no: 25681 dan disahihkan oleh Syaikh Syu'aib al-Arnauth. (penyunting)

Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu. [al-Baqarah 2:222] Ayat ini menjadi dalil bahawa larangan bersetubuh hanyalah ke atas isteri yang sedang haid, tidak selain itu.

3. Jika diharuskan solat bagi wanita yang beristihadah, maka sudah tentu diharuskan juga bersetubuh kerana bersetubuh adalah sesuatu yang lebih kecil berbanding solat.

Pendapat yang melarang bersetubuh mengqiyaskan wanita yang beristiadhah dengan wanita yang haid. Ini adalah qiyas yang tidak benar kerana wanita istihadah dan wanita haid adalah dua kes yang saling berlainan.

6 Nifas dan Hukum-hukumnya

Nifas (النفاس) ialah darah yang keluar dari rahim wanita atas sebab melahirkan anak. Ia keluar sama ada di saat melahirkan anak, selepas melahirkan anak atau dua hingga tiga hari sebelum melahirkan anak. Yang terakhir (sebelum melahirkan anak) hendaklah yang disertai dengan tolakan melahirkan anak(terasa nak bersalin).

Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* berkata:

> Apa yang dilihat oleh wanita semasa bermula tolakan bersalin ialah darah nifas. Ia (nifas) tidak disyaratkan oleh dua atau tiga hari sebelum bersalin tetapi disyaratkan oleh tolakan yang mengiringi bersalin. Jika berlaku pendarahan selain itu (tolakan bersalin), maka ia bukan nifas.

Para ilmuan berselisih pendapat tentang tempoh bagi nifas, sama ada lama atau pendek. Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* berkata:

> Bagi nifas tidak ada tempoh minimum atau maksimum. Jika ditakdirkan seorang wanita melihat darah lebih daripada 40 atau 60 atau 70 hari lalu kemudian barulah ia berhenti, maka itu adalah darah nifas. Akan tetapi jika pendarahan berlaku secara berterusan (melebihi tempoh di atas) maka ia adalah darah fasid (istihadah). Maka batasnya (bagi kes ini) ialah 40 hari kerana sesungguhnya tempoh 40 hari adalah kebiasaan (bagi wanita yang sudah bersalin) sebagaimana yang disebut dalam atsar-atsar (pendapat tokoh terdahulu). [*al-Risalah fi al-Asma' allati 'Alaq al-Syar'i al-Ahkam biha*, ms. 37]

Berdasarkan penjelasan di atas:

1. Apabila menjadi kebiasaan bagi seorang wanita untuk mengalami nifas melebihi 40 hari dan dia dapat mengenali tanda berhentinya, maka hendaklah dia menunggu sehingga nifasnya berhenti.

2. Jika hal di atas bukanlah kebiasaan bagi dirinya, hendaklah dia menjadikan tempoh 40 hari sebagai tanda berhenti. Hendaklah dia mandi wajib setelah genap 40 hari. Pendarahan seterusnya dikira sebagai istihadah dan diwajibkan ke atasnya hukum-hukum istihadah sebagaimana yang dibahas sebelum ini.

3. Jika nifas berhenti dalam tempoh kurang 40 hari, maka (setelah mandi wajib) dia dianggap suci tanpa perlu menunggu genap 40 hari. Akan tetapi hendaklah dipastikan bahawa nifasnya benar-benar sudah berhenti. Jika nifasnya hanya berhenti dalam tempoh kurang sehari, dia belum dikira sudah berakhir tempoh nifasnya.

4. Jika nifas bersambung dengan haid, maka hendaklah dia tunggu sehingga berhenti haidnya. Diwajibkan ke atasnya hukum-hukum haid sebagaimana yang dibahas sebelum ini.

Pendarahan hanya boleh dikategorikan sebagai nifas apabila ia keluar dengan sebab fitrah mengandung dan melahirkan anak. Jika ia keluar dengan sebab selain itu, seperti keguguran, maka ia bukanlah nifas tetapi darah penyakit (*al-'Irq*) yang diwajibkan ke atasnya hukum-hukum istihadah.

Masa yang paling awal untuk nifas secara fitrah ialah 80 hari sedangkan yang lazim ialah 90 hari daripada hari mula hamil. Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah menulis, sebagaimana yang dinukil daripada kitab *al-Iqna'*:

> Apabila berlaku pendarahan kerana tolakan bersalin sebelum 80 hari (daripada hari mula hamil), maka janganlah dipedulikan (kerana ia bukan nifas). Seterusnya:
>
> 1. Jika berlaku pendarahan selepas 80 hari **kerana tolakan bersalin**, hendaklah dia tidak bersolat dan tidak berpuasa (kerana ia adalah nifas).[23]
> 2. Jika berlaku pendarahan selepas 80 hari **kerana keguguran**, hendaklah dia mendirikan solat dan berpuasa (kerana ia bukan nifas tetapi istihadah).
> 3. Jika tidak jelas baginya (sama ada pendarahan disebabkan kehamilan atau keguguran) maka hendaklah dihukum berdasarkan yang zahir (yang paling diyakini).[24]

Hukum-Hukum Nifas

Sebagaimana haid dan istihadah, terdapat beberapa hukum yang diwajibkan ke atas wanita yang mengalami nifas. Secara umumnya hukum-hukum nifas adalah sama dengan hukum-hukum haid kecuali dalam perkara-perkara berikut:

Pertama: Iddah.

Nifas tidak dijadikan ukuran iddah bagi seorang isteri yang dijatuhkan talak (diceraikan) oleh suaminya. Oleh itu apabila seorang isteri yang hamil dicerai oleh suaminya, maka tempoh iddahnya ialah sehingga melahirkan anak, bukan dengan

---

[23] Dalam ertikata lain, syarat nifas ialah (1) ia keluar disebabkan tolakan bersalin dan (2) Ia keluar selepas 80 atau 90 hari daripada hari mula hamil (penyunting)

[24] Demikian adalah bagi zaman Ibn Taimiyyah yang meninggal dunia pada tahun 728H. *Alhamdulillah*, di masa kini sudah ada peralatan yang boleh menentukan kehamilan atau keguguran. Maka mudah bagi seorang wanita untuk membezakan pendarahannya sama ada disebabkan kehamilan (nifas) atau keguguran (istihadah). (penyunting)

berhentinya nifas. Apabila seorang isteri yang baru sahaja melahirkan anak dicerai oleh suaminya, maka iddahnya ialah menunggu hingga datang haid lalu dikira berdasarkan putaran haidnya, bukan berdasarkan nifasnya. Yang terakhir ini (iddah berdasarkan putaran haid) adalah sebagaimana yang telah dibahas dalam **Bab 4**, hukum haid yang **Ketujuh** dan **Kelapan**.

Kedua: *Ila'*

Ila' ialah tindakan seorang suami yang bersumpah tidak akan menyetubuhi isterinya buat selama-lamanya atau untuk satu tempoh yang melebihi empat bulan. Jika ini berlaku, maka tempoh empat bulan (atau lebih sebagaimana yang disumpah) dikira berdasarkan putaran haid isteri dan bukan berdasarkan nifasnya.

Ketiga: Baligh.

Tahap baligh bagi seorang wanita diukur berdasarkan datang haid dan bukan datang nifas. Ini kerana seorang wanita tidak mungkin akan mengalami nifas jika dia tidak hamil, dan dia tidak mungkin akan hamil jika tidak terlebih dahulu mengalami haid.

Keempat: Nifas yang terputus-putus

Bagi darah haid, jika ia keluar, kemudian terhenti sebentar, kemudian keluar semula, maka mudah untuk diyakini bahawa yang keluar semula itu adalah haid juga. Sebagai contoh, seorang wanita yang lazimnya memiliki tempoh haid lapan hari setiap bulan, lalu dia haid pada empat hari yang pertama, kemudian ia terhenti pada hari kelima dan keenam, kemudian ia keluar semula pada hari ketujuh dan lapan, maka mudah untuk diyakini bahawa yang datang semula pada hari ketujuh dan lapan tersebut adalah haid juga.

Berbeza pula bagi darah nifas, para ilmuan berbeza pendapat ke atas kes nifas yang terputus. Umumnya terdapat dua pendapat:

Pendapat Pertama:

Apabila nifas terhenti sebelum 40 hari kemudian ia keluar semula pada hari ke-40, maka yang keluar semula itu dikategorikan sebagai "darah yang disyaki". Dalam kategori ini, wanita yang mengalaminya wajib bersolat dan berpuasa. Sebelum itu ketika sedang nifas, diharamkan ke atasnya apa yang diharamkan ke atas wanita yang sedang haid.[25] Dia wajib mengqada puasanya selepas suci (jika dia nifas dalam bulan Ramadhan). Ini adalah pendapat yang mayshur dalam Mazhab

[25] Seperti solat, puasa dan tawaf. (penyunting)

Hanbali.

Pendapat Kedua:

Apabila darah keluar pada suasana yang lazimnya disebabkan oleh faktor nifas, maka ia adalah nifas. Apabila darah keluar pada suasana yang lazimnya disebabkan oleh faktor haid, maka ia adalah haid.[26] Apabila darah keluar secara berterusan, ia adalah istihadah.

Pendapat yang kedua inilah dianggap yang benar. Imam Ibn Qudamah *rahimahullah* di dalam kitabnya *al-Mughni*, jld. 1, ms. 349 menukil kata-kata Imam Malik *rahimahullah*: Jika dia (wanita) melihat darah selepas dua atau tiga hari, yakni selepas habis nifas, maka ia adalah darah nifas dan jika selepasnya (lebih dari tiga hari) maka ia adalah darah haid.[27] Pendapat kedua ini juga merupakan pilihan Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah*.

Kelima: Bersetubuh

Apabila seorang wanita menjadi suci daripada haidnya lebih awal daripada tempoh yang biasa baginya, diharuskan bagi suami menyetubuhinya. Akan tetapi apabila seorang wanita yang sedang nifas suci daripada nifasnya lebih awal daripada tempoh 40 hari, wujud perselisihan pendapat sama ada harus atau tidak bagi suami menyetubuhinya.

Yang benar diharuskan bagi suami menyetubuhinya dan ini adalah pendapat majoriti ilmuan. Untuk berkata "tidak harus" memerlukan dalil syarak padahal tidak wujud dalil syarak dalam permasalahan ini. Terdapat sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad *rahimahullah* di mana isteri 'Utsman ibn Abi al-'Aas (yang baru suci daripada nifas) telah menghampirinya padahal di saat itu belum genap tempoh 40 hari. Maka 'Utsman berkata: "Janganlah kamu menghampiri aku." Kisah ini tidak boleh dijadikan dalil menghukum "tidak harus" kerana tindakan 'Utsman mungkin di atas sikap berhati-hati kerana tidak yakin bahawa isterinya telah benar-benar suci atau akan keluar darah semula disebabkan persetubuhan atau sebagainya, Allah yang

---

[26] Yang dimaksudkan dengan faktor nifas ialah hamil, disertai tolakan dan paling awal 80 hingga 90 hari selepas hari pertama hamil. Faktor haid adalah apa yang selain daripada faktor nifas kecuali jika ia berterusan, maka ia adalah istihadah. (penyunting)

[27] Maksudnya jika nifas terhenti kurang daripada tiga hari lalu kemudian keluar semula, yang keluar itu adalah nifas juga. Jika nifas terhenti lebih daripada tiga hari lalu kemudian keluar semula, yang keluar semula itu bukanlah nifas tetapi haid. Maka tempoh berhenti selama tiga hari adalah pembeza antara darah nifas atau haid. (penyunting)

lebih mengetahui.

7 Hukum Penggunaan Ubat-Ubatan Yang Menegah Haid Atau Mendatangkannya Dan Yang Menegah Kehamilan Atau Menggugurkannya.

<u>Pertama</u>: Ubat-Ubatan Yang Menegah Haid.

Diharuskan menggunakan ubat-ubatan yang menegah haid dengan dua syarat:

<u>Pertama</u>:

Tidak berlaku mudarat ke atas dirinya. Jika mengakibatkan mudarat maka ia diharamkan berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan. [al-Baqarah 2:195]

***Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu**.* [al-Nisa' 4:29]

Kedua:

Penggunaannya adalah dengan izin suami. Berikut adalah contoh dua kes yang memerlukan izin atau pengetahuan suami:

1. Seorang isteri yang diceraikan oleh suaminya lalu dia mengambil ubat penegah haid supaya tempoh iddahnya berpanjangan. Dengan itu berpanjanganlah tempoh pembayaran nafkah cerai oleh suaminya kepadanya.
2. Menegah haid untuk menegah kehamilan. Walaubagaimanapun yang lebih utama (bagi suami isteri) ialah tidak melakukan hal ini kecuali untuk tujuan yang baik. Ini kerana putaran haid yang fitrah (semula jadi) adalah penting demi kesihatan yang normal.

Kedua: Ubat-Ubatan Yang Mendatangkan Haid.

Diharuskan menggunakan ubat-ubatan yang mendatangkan haid dengan syarat:

Pertama:

Bukan sebagai helah untuk meninggalkan ibadah seperti tidak solat dan berbuka pada bulan Ramadhan.

Kedua:

Mendapat izin suami kerana sengaja mendatangkan haid akan menggugurkan hak suami dari dua sudut:

1. Menghalangnya daripada bersetubuh dengan isterinya.
2. Menghalangnya untuk merujuk semula dalam kes penceraian. Iaitu isteri sengaja mendatangkan haid supaya tempoh iddah berlalu dengan cepat sehingga seandainya suami ingin merujuk semula, dia tidak sempat untuk berbuat demikian.

<u>Ketiga</u>: Ubat-Ubatan Yang Menegah Kehamilan.

Terdapat dua jenis ubat-ubatan yang menegah kehamilan:

<u>Pertama</u>:

Ubat yang menegah kehamilan secara tetap dan berterusan. Ini tidak diharuskan kerana ia mengurangkan keturunan. Tindakan ini menyalahi tujuan Islam yang mengutamakan umat yang ramai. Lebih dari itu seandainya dia kehilangan anak yang sedia ada masa kini, dia akan tinggal berseorangan sehingga ke hari tua (tanpa penjagaan).

<u>Kedua</u>:

Ubat yang menegah kehamilan untuk sementara waktu. Ini diharuskan dengan syarat mendapat keizinan suami dan tidak memudaratkan kesihatan. Contoh penggunaannya ialah wanita yang kerap hamil dan dia ingin merancang kehamilannya pada kadar sekali dalam setiap dua tahun.

Dalil kebolehan ini tindakan para sahabat *radhiallahu 'anhum* di zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mempraktikkan *al-'Azal* terhadap para isteri mereka supaya mereka (para isteri) tidak hamil. Tindakan ini tidak ditegah oleh Rasulullah. *al-'Azal* ialah tindakan seorang suami yang apabila bersetubuh dengan isterinya, dia mengeluarkan alat kelaminnya dari faraj isterinya di saat hendak keluar air mani.[28]

<u>Keempat</u>: Ubat-Ubatan yang Menggugurkan Kandungan.

Menggugurkan kandungan memiliki dua tujuan:

<u>Pertama</u>:

Bertujuan menghapuskan kandungan. Maka hukumnya terbahagi dua:

1. Jika sudah ditiup ruh pada kandungan maka tanpa ragu lagi hukumnya ialah haram untuk menggugurkannya. Ia termasuk dalam kategori membunuh

---

[28] Lebih lanjut tentang *al-'Azal*, lihat buku penyunting yang berjudul *Kaedah-Kaedah Memahami Hadis-Hadis yang Saling Bercanggah* (Jahabersa, Johor Bahru 2002). Boleh juga dirujuk edisi "e-book" di http://www.al-firdaus.com/

tanpa hak yang diharamkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah serta kesepakatan umat Islam.

2. Jika belum ditiup ruh maka wujud perselisihan pendapat sama ada harus atau tidak untuk menggugurkan kandungan. Sebahagian mengharuskannya, sebahagian menegahnya. Sebahagian lain berkata: "Harus selagi mana belum terbentuk segumpal darah (sebelum 40 hari)" manakala sebahagian lagi berkata: "Harus selagi mana pada kandungan belum terbentuk apa yang berupa manusia."

   Pendapat yang dipilih ialah harus menggugurkan kandungan jika bersebab seperti sakit, tidak dapat menanggung kehamilan dan sebagainya. Akan tetapi jika pada kandungan sudah jelas terbentuk apa yang berupa manusia, maka ditegah daripada menggugurkannya.[29] Allah yang lebih mengetahui.

<u>Kedua</u>:

Bertujuan mengeluarkan kandungan demi sesuatu manfaat. Ini lazimnya berlaku setelah genap tempoh kehamilan atau menghampirinya. Ia diharuskan selagi mana tidak memudaratkan ibu dan anak serta tidak memerlukan pembedahan. Jika memerlukan pembedahan maka ia terbahagi kepada empat kes:

1. Ibu hidup, anak hidup. Pembedahan ditegah kecuali atas dasar darurat seperti kesukaran ibu untuk melahirkan anak secara fitrah. Pembedahan ditegah kerana "badan" adalah satu amanah kepada manusia yang tidak boleh diapa-apakan kecuali atas pertimbangan untuk mencapai kemaslahatan yang lebih besar.[30] Lebih dari itu pembedahan hanya diharuskan dalam suasana darurat kerana betapa banyak pembedahan yang pada awalnya disangka tiada mudarat tetapi kemudian berakhir dengan mudarat.

2. Ibu mati, anak mati. Tidak harus melakukan pembedahan kerana tidak ada apa-apa faedah.

---

[29] Kecuali jika atas nasihat para pakar perubatan bahawa meneruskan kehamilan akan membawa kemudaratan yang besar kepada ibu. Maka jika demikian kesnya, harus menggugurkan kandungan. Berikut beberapa sumber rujukan dalam bahasa Melayu:

1. *Perubatan Moden Menurut Perspektif Islam* oleh Basri Ibrahim (Darul Nu'man, K. Lumpur 1999).
2. *Isu-Isu Bio Perubatan Menurut Islam* oleh Abul Fadl Mohsin Ibrahim (edisi terjemahan oleh Yusof Ismail; A.S. Noordeen, K. Lumpur 1995). (penyunting).

[30] Seperti keselamatan ibu dan anak. (penyunting)

3. Ibu hidup, anak mati. Harus melakukan pembedahan supaya anak dapat dikeluarkan demi memelihara ibu daripada apa-apa kemudaratan.

4. Ibu mati, anak hidup. Dalam kes ini diperhatikan: Jika tidak wujud kemungkinan untuk anak hidup maka tidak harus melakukan pembedahan. Jika wujud kemungkinan untuk anak hidup maka ia seterusnya terbahagi kepada dua :

   I. Jika anak sudah keluar sebahagian maka diharuskan pembedahan untuk mengeluarkan sebahagian yang tertinggal.

   II. Jika anak belum keluar, maka di sini terdapat perselisihan pendapat. Pendapat Pertama menegah daripada melakukan pembedahan untuk mengeluarkan anak kerana ia mencacatkan mayat (mayat ibu). Ini adalah pendapat para sahabat kami *rahimahumullah*.[31] Pendapat Kedua mengharuskan pembedahan untuk mengeluarkan anak. Ini adalah pendapat Imam Ibn Hubairah *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Inshaf.*

   Saya berkata, yang benar adalah Pendapat Kedua kerana melakukan pembedahan di zaman kita sekarang ini bukanlah sesuatu yang mencacatkan mayat kerana kesan pembedahan dapat dijahit kembali. Yang penting, menyelamatkan orang yang hidup (anak dalam kandungan) adalah lebih utama daripada menghormati orang yang meninggal dunia (ibu yang mati). Bahkan menyelamatkan yang maksum daripada kemusnahan adalah wajib hukumnya. Anak yang masih hidup di dalam kandungan ibu yang meninggal dunia adalah insan yang maksum sehingga wajib menyelamatkannya. Allah yang lebih mengetahui.

Peringatan

Dalam keadaan-keadaan yang harus untuk menggugurkan kandungan sebagaimana yang dibahas dalam bab ini, ia terlebih dahulu wajib mendapat izin daripada pihak suami sebagai orang yang memiliki kandungan tersebut.

[31] Maksudnya para tokoh dalam Mazhab Hanbali (penyunting).

Kata Penutup

Sampai di sini selesailah apa yang kami ingin sampaikan berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas. Sesunguhnya ketiga-tiga perkara ini adalah sesuatu yang amat penting kepada umat Islam. Kami telah sampaikan asas-asasnya diikuti dengan pembahagian terhadap beberapa masalah yang lazim berkenaannya. Kami tidak sampaikan segala cabang permasalahan, juga tidak membicara setiap permasalahan individu yang di hadapi oleh para wanita kerana yang sedemikian adalah umpama lautan yang tidak bertepi. Akan tetapi diyakini segala cabang dan masalah individu akan ditemui jawapannya jika ia dikembalikan (dirujuk) kepada asas-asas yang telah kami sampaikan dalam buku ini.

Sebagai peringatan, hendaklah seorang mufti[32] menyedari bahawa

[32] Di sini sebagai satu sifat rendah diri, Syaikh al-Utsaimin *rahimahullah* bukan sahaja memberi nasihat kepada para mufti secara umum tetapi juga khusus kepada dirinya kerana beliau juga adalah seorang mufti. (penyunting)

sesungguhnya dia adalah "perantaraan" antara Allah dan para makhluk-Nya dalam menyampai dan menerangkankan apa yang telah disyari'atkan-Nya melalui para Rasul-Nya. Sesungguhnya seorang mufti akan dipersoalkan berkenaan apa yang ada di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah kerana kedua-duanya adalah sumber yang diberi kepada manusia untuk difahami dan diamalkan. Setiap sesuatu yang menyalahi al-Qur'an dan al-Sunnah adalah salah dan wajib ditolak daripada orang yang mengatakannya dan haram untuk mengamalkannya. Jika orang yang menyalahinya tersilap kerana ijtihad maka dia diberi pahala atas ijtihadnya. Akan tetapi orang lain yang mengetahui akan kesilapan itu maka haram baginya untuk menerima dan mengamalkannya.

Wajib ke atas para mufti mengikhlaskan niat kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta memohon pertolongan-Nya dalam setiap perkara dan hendaklah dia memohon daripada Allah ketetapan, taufik dan kebenaran. Wajib ke atasnya untuk mengetahui bahawa tempat pengambilan hukum ialah al-Qur'an dan al-Sunnah, maka hendaklah dia melihat dan membahas berdasarkan dua sumber di atas. Pada waktu yang sama hendaklah dia meminta bantuan daripada para ilmuan yang lain dalam memahami kedua-dua sumber di atas.[33]

Kerapkali timbul satu persoalan lalu orang ramai membahasnya sekadar mampu berdasarkan perkataan para ilmuan. Akan tetapi perbahasan dan penjelasan tidak diberi secara sepenuhnya sehingga tidak wujud ketenangan (yakni keyakinan dan kepuasan). Maka kembalilah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, hukum akan menjadi jelas kerana keikhlasan, ilmu dan kefahaman.

Wajib ke atas mufti menangguh sebentar dalam menghukum ketika wujud kesamaran dalam persoalan yang dikemukakan kepadanya. Janganlah segera mengeluarkan hukum kerana betapa banyak hukum yang sebelum ini diberikan secara tergesa-gesa kemudian setelah dilakukan kajian, jelas akan kesilapannya. Lalu dia menyesal atau lebih berat, dia tidak ingat lagi apa yang dia telah fatwakannya (untuk diperbetulkan kepada orang ramai).

Seorang mufti yang dikenali ramai sebagai orang yang tetap dan berwaspada dalam memberi fatwa akan diyakin perkataannya. Sebaliknya seorang mufti yang tergesa-gesa memberi fatwa tidak akan diyakini fatwanya. Lazimnya orang yang tergesa-gesa akan banyak berbuat silap sehingga akhirnya menghalang dirinya sendiri dan orang ramai daripada ilmu yang benar.

---

[33] Dengan cara bertanya dan berdiskusi, pemahaman akan menjadi lebih tepat dan benar. (penyunting)

Kita memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* supaya Dia menunjuk kepada kita dan saudara-saudara kita daripada para muslimin jalan yang lurus. Supaya Dia memelihara kita dengan pertolongan dan pemeliharaan-Nya dari sebarang kesilapan. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah lagi Maha Mulia. Selawat Allah serta salam-Nya atas Nabi kita Muhammad dan ke atas keluarganya serta para sahabat semuanya. Segala puji bagi Allah yang dengan nikmat-Nya telah sempurna segala kebaikan.

Selesai daripada pena hamba yang sangat berhajat kepada Allah, Muhammad al-Shalih al-'Utsaimin pada waktu dhuha hari Jumaat bersamaan 14 Sya'aban 1392H.